

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 126 ● 30 JULAI - 5 OGOS 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)  [Wilayahku](#)  [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)  [Wilayahku](#)  [WK TV](#)

## Hotel percuma: Warga PPR, PA sambut baik PKRCS khas



**U**MUM sedia maklum peningkatan kes di Kuala Lumpur dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti projek perumahan rakyat (PPR) mahupun perumahan awam (PA), berpunca daripada jangkitan wabak terhadap kontak rapat.

Mendepani situasi berkenaan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS) khas secara percuma di empat hotel sekitar Kuala Lumpur bermula 26 Julai lalu.

Justeru, pengumuman yang dilakukan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annur Musa itu disambut baik semua pihak terutama warga PPR dan PA yang gusar keadaan semasa jangkitan varian Delta.

Bagi penduduk PPR, Salina Yaakub, 42, inisiatif berkenaan sangat membantu mereka menjalani kuarantin kendiri berikutan rumah yang didiami agak sempit serta mempunyai ahli keluarga ramai dan perlu berkongsi kemudahan sehingga mendorong penularan berganda wabak.

Perkara itu turut diakui polis bantuan, Mia Abdullah, 24, yang berhadapan kesukaran untuk menjalani kuarantin kendiri kerana tinggal bersama tiga lagi ahli keluarga.

Berkongsi pengalaman sama, pembantu pentadbiran, Salmah Abdul Rahim, 41, memberitahu, dia terpaksa mengambil satu bilik asing untuk menjalani kuarantin kendiri sehingga tempoh yang ditetapkan.

"Walaupun berada di bilik asing untuk kuarantin, saya masih perlu berkongsi bilik air dan kebolehjangkitan wabak melalui sentuhan tetap ada. Oleh itu, usaha KWP ini sangat baik dan wajar diteruskan bagi melancarkan perjalanan proses kuarantin di lokasi padat serta sempit," katanya kepada *Wilayahku*.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



SALINA



MIA



Hadiah paling  
bermakna  
buat Zikrul >> 8

Rumah Prihatin  
sangat luar  
biasa - Amaris  
>> 14



Jom layan empat filem  
ini sempena olimpik >> 17

*Frontliner tidak patah semangat punca utama kejayaan 80 peratus vaksinasi*

# Labuan jadi panduan pelaksanaan PPN

## DARI MUKA DEPAN

**K**EJAYAAN Wilayah Persekutuan Labuan mencapai sasaran 80 peratus vaksinasi ke atas penduduk dewasa boleh dijadikan satu manifestasi kepada pelaksanaan Pelan Pemuliharaan Negara (PPN).

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, kejayaan Labuan dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) boleh dijadikan contoh kepada (petugas barisan hadapan) negeri-negeri lain untuk turut memperkasakan program vaksinasi.

"Labuan pernah berada dalam keadaan sangat meruncing dengan lonjakan kes dan kadar jangkitan (R-Naught) tertinggi, dan kini saya amat berbangga dengan apa yang wilayah ini capai," katanya ketika berucap secara dalam tal-

ian dari Putrajaya sebelum majlis suntikan vaksin lengkap kepada individu ke 54,780 di pusat pemberian vaksin (PPV) pandu lalu di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), pada Selasa.

Annur berkata, kecekalan dan tidak mudah patah semangat ditunjukkan petugas-petugas barisan hadapan (*frontliner*) kesihatan dan bukan kesihatan, menjadi faktor utama Labuan berjaya mencapai sasaran vaksinasinya.

"Selain itu, apa yang boleh diajari dari Labuan adalah sikap sabar petugas barisan hadapan dalam menghadapi kes harian yang turun naik.

"Jadi kalau kita tidak sabar dan kecewa, kemungkinan kita rasa nak putus asa, rasa macam dah habis ikhtiar, tetapi kita tahu apabila kita sabar selepas hadapi kesusahan, kita akhirnya capai kejayaan seperti



**ANNUR** ketika berucap secara dalam talian dari Putrajaya sebelum majlis suntikan vaksin lengkap kepada individu ke 54,780 di PPV pandu lalu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), pada Selasa.

apa yang telah dirancang," katanya.

Annur berkata, kepentingan "istiqamah" juga harus dititikber-

atkan dalam pelaksanaan PPN.

Jelasnya, keyakinan dalam kalangan petugas barisan hadapan

Labuan ketika mengendalikan pandemik COVID-19 juga banyak membantu pulau bebas cukai itu mencapai sasaran vaksinasinya.

"Meskipun rancangan PPN sehingga Disember tahun ini, Labuan tunjukkan rekod kejayaan pelaksanaannya seawal bulan Julai, saya harap dapat dicontohi tempat-tempat lain.

"Kita kena yakin dan jangan was-was memerangi wabak COVID-19 dalam pelbagai cara dengan mempercepatkan vaksinasi, inilah yang ditunjukkan ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Labuan dan akhir sekali, sikap syukur itu juga memudahkan lagi pengurusan pandemik di Labuan," katanya.

Annur berkata dengan kejayaan Labuan dalam program vaksinasinya selain penurunan ketara kes harian, Wilayah Persekutuan itu mampu beralih terus kepada fasa tiga PPN. **WK**

## Labuan sedia beralih ke Fasa Tiga PPN

**K**EMAJUAN positif kadar vaksinasi Labuan sebanyak 80 peratus bakal menyaksikan pulau bebas cukai itu boleh beralih ke Fasa Tiga di bawah Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) pada bila-bila masa minggu depan.

Senator **Datuk Bashir Alias** berkata, kadar vaksinasi (bagi dos kedua) sudah meliputi sejumlah 54,800 orang daripada 68,500 populasi dewasa dan dicapai lebih awal daripada tarikh yang disasarkan iaitu pada 30 Julai.

"Ini bermakna Labuan telah mencapai sasaran vaksinasi untuk beralih ke fasa seterusnya dan kami optimis ia berada di landasan yang betul ke arah mencapai imuniti kelompok," katanya.

Bashir berkata, justeru itu penduduk Labuan perlu terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan meskipun sudah lengkapkan dua dos suntikan vaksin mereka.

"Nasihat saya kepada komuniti perniagaan ialah terus mematuhi SOP dan hentikan sikap acuh tak

acuh kerana kita perlu bersama-sama mengekalkan momentum yang baik ini dalam usaha menangani kes-kes COVID-19," katanya.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Mohd Dzulfaizal Ab Manan pula berkata, sukarelawan daripada PriVo (koordinator bagi pelaksanaan vaksinasi secara jumpa terus dan pandu lalu) akan terus memainkan peranan dalam Program Imunisasi COVID-19 Labuan.

"Kami akan menggerakkan pasukan kami ke kampung-kampung melalui pelaksanaan vaksinasi dari rumah ke rumah bagi mengenal pasti penduduk yang belum divaksin dalam usaha mencapai sasaran tiada sesiapa pun yang terpinggir.

"Kami percaya masih terdapat sebilangan kecil penduduk yang enggan mendapatkan vaksin atas alasan yang tidak diketahui, kami perlu memahamkan mereka mengenai kepentingan mendapatkan vaksinasi bagi mengelak jangkitan COVID-19," katanya. **WK**

## PUSARA mudahkan proses pengebumian jenazah COVID-19 - Annuar

### AZLAN ZAMBRY

**P**USAT Sehenti Sementara (PUSARA) yang berfungsi sepenuhnya pada 24 Julai lalu adalah untuk menguruskan jenazah pesakit COVID-19 dengan teratur dan sempurna susulan peningkatan kes kematian akibat wabak pada masa ini.

Justeru, bagi memenuhi tuntutan tersebut, Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, waris jenazah diminta untuk membenarkan keutamaan urusan pengebumian dilakukan di tanah perkuburan yang telah ditetapkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

"Ia bertujuan untuk memudahkan waris jenazah COVID-19 di samping menyegerakan proses pengebumian dengan kemudahan sedia ada termasuk petugas yang menguruskannya secara berjadual.

"Saya merayu kepada keluarga jenazah COVID-19 untuk mengizinkan proses (pengebumian) dijalankan di dua tanah perkuburan yang ditetapkan di Kuala Lumpur iaitu di Raudhatul Sakinah Taman Selasih, Batu Caves dan Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mendengar taklimat dan meninjau operasi PUSARA di Kompleks Sukan Institut Sukan Negara, Jalan Raja Muda, Kampung Baru Ahad.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail; Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Rohana Johan dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun.

Hadir sama, Ketua Pengarah Agensi Bencana Negara (NADMA), Datuk Dr Aminuddin Hassim; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi



**PUSARA** mudahkan pengkebumian jenazah pesakit COVID-19 di Kuala Lumpur.

Che Ngah; Ketua Polis Kuala Lumpur, Komisioner Datuk Azmi Abu Kasim dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba (PKpjB) Nordin Pauzi.

Dalam pada itu, Annur turut menyatakan, waris yang mahu pengebumian di tanah perkuburan lain perlu berunding dengan pihak pengurusan terlibat kerana ia mungkin ada kekangan tertentu selain melambatkan proses.

Beliau berkata, dalam keadaan sekarang, pengebumian di tanah perkuburan yang ditetapkan adalah lebih baik sekali gus mengelakkan berlakunya kluster di tempat seperti itu.

Mengulas lanjut, ujar beliau, bagi memudahkan operasi PUSARA, urusan logistik akan dikendalikan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pasukan sokongan daripada beberapa agensi serta sukarelawan akan melicinkan lagi operasi termasuk penglibatan JAWI dalam urusan jenazah Islam secara berjadual.

Kata Annur, pihak kerajaan akan menambah satu lagi perkhidmatan untuk memudahkan waris mendapatkan bantuan tunai daripada NADMA sebanyak RM5,000. **WK**



**LABUAN** sedia beralih ke fasa 3 PPN pada bila-bila masa selepas mencapai 80 peratus imuniti kelompok baru-baru ini.

Percuma untuk warga PPR, PA kategori 1 dan 2

# Empat hotel jadi pusat kuarantin COVID-19

DARI MUKA DEPAN

HAZIRAH HALIM

**E**MPAT hotel dipilih sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS) bagi kira-kira 1,000 warga projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PA DBKL) yang didapati positif COVID-19 bagi kategori 1 (tidak bergejala) dan kategori 2 (bergejala ringan) mulai Isnin (26 Julai).

Tindakan tersebut dibuat selepas mendapat arahan kuarantin di rumah yang sempit itu akan menyebabkan jangkitan kepada penghuni lain di samping meningkatkan kes di Kuala Lumpur.

Empat hotel yang terlibat adalah Hotel Royal Chulan di Jalan

Conlay; International Youth Center di Bandar Tun Razak, Cheras; Hotel Tamu di Kampung Baru dan Hotel Travelodge City Centre, Jalan Hang Kastur.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, PKRCS itu dibuka setelah mendapat ramai keluarga dalam kalangan B40 di PPR dan PA DBKL mengalami kesukaran untuk menjalani kuarantin kendiri di kediaman masing-masing.

"Mereka (keluarga B40) mendiami rumah yang sempit dan sesak yang mana ia tidak sesuai untuk menjalani kuarantin kendiri bahkan mereka juga tidak mampu untuk ke PKRCS berbayar," jelas beliau.

Menurutnya, mesyuarat Pusat Penyelaras dan Pengurusan COVID-19 Wilayah Persekutuan (CCMC-WP) memutuskan untuk



HOTEL Royal Chulan antara empat hotel yang dijadikan lokasi kuarantin percuma khusus kepada golongan B40 di PPR dan PA.

memindahkan dan menempatkan sebilangan mereka yang positif dalam kategori berkenaan

ke beberapa hotel terlibat bagi mengelakkan jangkitan dalam kalangan keluarga.

Dalam pada itu, operasi memindahkan kira-kira 1,000 golongan terbabit yang bermula Isnin mendapat kerjasama daripada Covid Assesment Centre (CAC), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWPKL) dan beberapa agensi kerajaan berkaitan.

"Kementerian sedang berusaha untuk menyediakan lebih banyak kemudahan pusat rawatan COVID-19 di Wilayah Persekutuan bagi membantu golongan yang menghadapi masalah kuarantin kendiri," tambahnya.

Beliau berharap agar tindakan itu dapat membantu golongan yang tidak berkemampuan sekali gus mengelakkan peningkatan kes positif yang berpunca daripada kontak rapat dalam kalangan ahli keluarga. **WK**

## PKRCS khas: Inisiatif terbaik pantau,kekang penularan wabak

DIANA AMIR

**P**USAT Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS) khas yang bermula 26 Julai lalu membantu dalam memantau keadaan pesakit kategori satu dan dua dari kumpulan B40.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, mewujudkan PKRCS khas buat golongan B40 merupakan satu inisiatif bijak daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

"Ia merupakan inisiatif yang bijak kerana kita tahu keadaan kumpulan B40 terutama yang duduk di PPR (projek perumahan rakyat) mempunyai rumah agak kecil dengan jumlah ahli keluarga yang ramai.

"Kawasan mereka juga mungkin susah buat pasukan perubatan untuk melakukan pemantauan dan akses untuk panggil ambulans juga sedikit sukar. Dengan inisiatif seperti ini mampu memantau keadaan pesakit B40 dengan lebih dekat," katanya kepada Wilayahku sewaktu ditanya mengenai inisiatif PKRCS khas oleh KWP.

Mengulas mengenai kadar kebolehjangkitan dalam ruang yang kecil, Zainal berkata, ia agak tinggi terutama apabila



ZAINAL ARIFFIN

varian Delta yang mampu berjangkit hanya dalam tempoh 15 saat dan dalam keadaan yang sempit serta tidak mempunyai pengudaraan yang baik mempercepatkan lagi penyebaran wabak COVID-19.

Jelasnya lagi, menjalani kuarantin kendiri bagi golongan B40 lebih sukar apabila mereka mempunyai kanak-kanak atau warga emas yang tinggal bersama.

"Kalau dalam keadaan rumah yang sempit, agak sukar kerana kuarantin kendiri ini perlu mempunyai bilik, tempat makan dan juga bilik air asing daripada penghuni rumah yang lain.

"Mereka juga perlu lebih ber-

hati-hati sebagai contoh perlu memakai double mask, sanitasi tangan selalu, serta mencuci bilik air sekiranya perlu berkongsi dengan ahli keluarga yang lain dengan pembasmi kuman setiap kali digunakan.

"Perlu diingatkan mereka yang positif juga perlu membuka pintu atau tingkap untuk mempunyai pengudaraan yang baik jadi semua perkara ini agak sukar dilakukan bagi mereka yang mempunyai ruang yang terhad," katanya.

Zainal turut berkata, inisiatif itu sedikit sebanyak membantu meringankan beban kewangan kumpulan B40 kerana tinggal di PKRCS khas bermakna mereka tidak perlu lagi mengeluarkan wang yang banyak berikutkan segala kemudahan seperti makanan, minuman dan pengangkutan akan disediakan selain menerima pemantauan perubatan kesihatan yang lebih dekat dan bagus.

Dalam pada itu, beliau juga berharap vaksinasi dapat diberikan segera kepada penduduk PPR kerana jika dilihat dari statistik kebanyakannya kawasan PPR dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) kerana mempunyai jangkitan tertinggi. **WK**

## PKRCS khas: Kesukaran jadi kelegaan warga B40

HAZIRAH HALIM

**B**EKAS pesakit COVID-19 yang menjalani kuarantin di rumah menyambut baik pembukaan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS) khas bagi warga projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PA DBKL).

Menurut Muhammad Ihsan Radzuan, 23, usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) itu bukan hanya mengurangkan kesusahan yang dialami warga B40 dan miskin bandar malah membantu mengurangkan peningkatan kes dan jangkitan dalam kalangan kontak rapat.

"PKRCS khas adalah tindakan awal untuk mengasingkan pesakit positif yang diquarantin daripada menjadi kontak rapat kepada ahli keluarga.

"Usaha ini juga sangat baik kerana pesakit tidak perlu bimbang soal bayaran berikutnya ia ditawarkan secara percuma malah mereka juga dapat mengurangkan masalah ketidaksesuaian untuk menjalani kuarantin kendiri," jelasnya yang menyokong inisiatif PKRCS.

Berkongsikan pengalaman kuarantin di rumah, ujarnya, keadaan persekitaran terhad itu menyukarkan kuarantin dilakukan dengan sebaiknya terutama kedia-

man yang hanya mempunyai tiga bilik dan didiami lebih daripada lima orang.

"Agak sukar bagi lima ahli keluarga saya untuk tinggal bersama dengan keadaan bilik yang terhad, pergerakan juga terbatas dan tidak selesa untuk menjalani kuarantin kerana kami perlu mengamalkan penjarakan diri, memakai sarung tangan serta pelitup muka selain perlu sanitasi rumah setiap hari terutama bilik air," jelasnya.

Menurutnya lagi, kekangan itu menyebabkan ahli keluarganya juga dijangkiti wabak secara berperingkat.

Sementara itu, Muhammad Fathi Ahmad Nazeri, 37, berkata, keadaan mungkin berbeza jika pesakit tinggal di rumah besar yang mempunyai dua bilik air kerana pengasingan ruang boleh dilakukan.

"Tiada masalah jika kita tinggal di rumah yang besar tapi ia sukar buat keluarga yang menetap di rumah kecil dengan keadaan tidak selesa. Bila jadi seperti ini, individu yang negatif boleh bertukar menjadi positif kerana kontak rapat.

"Melalui pelaksanaan PKRCS ini, ia bukan sahaja mampu mengurangkan lebih ramai ahli keluarga dijangkiti tanpa penjagaan yang sebaiknya tetapi memberi kelegaan kepada golongan B40 yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan inisiatif ini," katanya. **WK**



MUHAMMAD IHSAN



MUHAMMAD FATHI

# Malaysia kongsi teknologi pemetaan digital atasi 'urban heat'

SABRINA SABRE

**P**ROGRAM Bengkel 'Reshaping The Urban Landscape: Advancing Green Solutions In The Disruptive World' telah berlangsung secara dalam talian pada 26 dan 27 Julai lalu.

Menerusi hantaran Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), bengkel tersebut melibatkan seramai 55 orang yang mempunyai latar belakang berlainan serta pihak berkuasa tempatan dari lapan negara luar.

"Seramai 55 orang peserta Pengurusan dan Profesional yang terlibat berlatac belakang Pegawai Perancang Bandar, Pegawai Penilaian, Arkitek dan Jurutera.

"Peserta-peserta tersebut mewakili DBKL, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Kajang serta pihak berkuasa tempatan dari Nepal, Pakistan, India, Mongolia, Phillipines, Thailand, Korea dan Indonesia," kata kenyataan tersebut.

Jelasnya, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** turut dijemput sebagai pembuka acara bagi bengkel tersebut dan program dimulakan dengan perkongsian ilmu daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Think City dan *C40 Cities Climate Leadership Group* (C40).

Menurut kenyataan itu, Dr Celia Leong membentangkan isu pemanasan global ketika sesi Global Perspective with Experts.

"Sesi Global Perspective with Experts telah dibentangkan oleh Dr Celia Leong dari Think City berkaitan isu pemanasan global dan 'urban heat' dengan menggu-



MAHADI turut hadir sebagai pembuka acara pada hari pertama bengkel 'Reshaping The Urban Landscape'.

nakan teknologi pemetaan digital serta para peserta telah melihat perubahan 'land heat' bandar-bandar di Malaysia seperti Kuala Lumpur, George Town, Bayan Lepas, Johor Bahru dan Ipoh," jelasnya.

Manakala Jacqueline Lam daripada badan antarabangsa C40, berkongsi ilmu berkaitan trend dan penggunaan teknologi dalam menangani perubahan iklim menggunakan 'nature-based solutions' dan konsep 'Future-Proof Cities'.

Tambah kenyataan itu lagi, dalam sesi berkenaan juga, peserta turut berpeluang mempelajari penggunaan SDG Navigator yang dibangunkan CityNet bagi tujuan mengukur takat pencapaian SDG di

organisasi masing-masing.

Di samping itu, peserta didekah dengan penggunaan 'Replicability Toolkit' iaitu satu alat membuat keputusan yang dibangunkan CityNet untuk mengenalpasti faktor replika dan mengukur kebolehsuaian pelaksanaan cadangan penyelesaian hijau mengikut keperluan konteks bandar.

Bengkel ini amat bermanfaat terutama kepada DBKL kerana banyak ilmu baharu yang diperoleh.

Dengan ada platform sebegini, ia sejarah dengan komitmen DBKL untuk melaksanakan projek-projek yang telah dirancang untuk bandar Kuala Lumpur.

WK

## DBKL sita barang niaga warga asing ingkar arahan

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak tegas menyita peralatan niaga lima warga asing di bahu jalan dan kawasan awam di Jalan Raja Alang, Kampung Baru, pada Selasa.

Ia susulan penjaja makanan serta minuman warga Indonesia dan Thailand yang bertindak ingkar arahan untuk mengosongkan tapak perniagaan.

DBKL dalam kenyataan pada Rabu berkata, pihaknya merampas 25 barang dan peralatan perniagaan termasuk khemah, gerai, kerusi plastik, payung, dulang besi serta dapur, selain pasport dan telefon bimbit milik warga asing yang melarikan ketika



PENGUAT kuasa DBKL merampas barang-barang perniagaan dalam operasi pengosongan kawasan bahu jalan di Jalan Raja Alang, Kampung Baru.

tindakan sitaan.

Katanya, semua barang berkenaan ditempatkan di

stor DBKL di Jalan Lombong, Cheras untuk proses penyimpanan dan dokumentasi.

"Tindakan sita dan rampanan barang mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 3(1), UUK Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016 serta Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"Kita akan meneruskan tindakan itu dari semasa ke semasa mengikut bidang kuasa, peruntukan undang-undang serta prosedur operasi standard (SOP) DBKL.

"Warga kota diminta untuk terus memberi kerjasama dengan menyalurkan naklumat dan aduan kepada pihak DBKL melalui <http://ispaaadbkl.dbkl.gov.my/eApps/system/index.do>," katanya. WK

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@ayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@ayasanwp.org.my)

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

#### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
[winwilayahku@gmail.com](mailto:winwilayahku@gmail.com)

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Wong Siew Mun  
[wongsiew.mun@gmail.com](mailto:wongsiew.mun@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer@gmail.com](mailto:deelanjer@gmail.com)

#### SYAHIDI BAKER

[diwilayahku@gmail.com](mailto:diwilayahku@gmail.com)

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)  
Mohd Affandy Annur  
[affandywilayahku@gmail.com](mailto:affandywilayahku@gmail.com)  
Mohd Fadly Bharudin  
[fadlybharudin@gmail.com](mailto:fadlybharudin@gmail.com)  
Taufik Mohd Pauze  
[kikywilayahku@gmail.com](mailto:kikywilayahku@gmail.com)

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
[nazirulwilayahku@gmail.com](mailto:nazirulwilayahku@gmail.com)  
Mohd Aminullah Farij Hasan  
[aminwkvt@gmail.com](mailto:aminwkvt@gmail.com)  
Azly Fariq Ramly  
[azlyfaridq@ayasanwp.org.my](mailto:azlyfaridq@ayasanwp.org.my)

#### PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
[zuhairi@ayasanwp.org.my](mailto:zuhairi@ayasanwp.org.my)  
V Kumar Veeran  
[veeran101@gmail.com](mailto:veeran101@gmail.com)

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatihah@ayasanwp.org.my](mailto:fatihah@ayasanwp.org.my)  
Jumaitul Laili Zakiah Ismail  
[jumaitul@ayasanwp.org.my](mailto:jumaitul@ayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nmm868@gmail.com](mailto:nmm868@gmail.com)

#### PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre  
Nur Hazirah Mohamed Halim  
Diana Syuhada Mohd Amir  
Muhammad Adib Zailani

## CERITA KEDAI KOPI

### Sinar untuk peniaga kedai makan

**PARA** peniaga warung, kedai makan dan restoran pasti gembira dengan kenyataan Perdana Menteri, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** bahawa kerajaan bakal memberi kelonggaran kepada mereka yang telah menerima dua suntikan COVID-19 untuk makan di dalam kedai atau restoran (*dine in*).

Dalam tempuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekarang, pelanggan hanya boleh membeli makanan secara beli dan bawa balik atau *take away*. Kerana peraturan ini jumlah mereka yang datang ke kedai makan atau restoran merosot. Pendapat pemilik kedai makan menurun.

Dengan kelonggaran *dine in* yang diberi kepada penerima dos kedua, pengusaha kedai makan dan restoran melihat sinar di hujung terowong setelah perniagaan mereka selama ini berada dalam suram.

Di Kuala Lumpur yang sentiasa 'hidup' sampai jauh malam, kelonggaran ini bukan sahaja menggembirakan pemilik kedai makan tetapi juga orang ramai yang sudah lama rindu makan minum di luar.

Walaupun kelonggaran hanya diberi kepada mereka yang telah menerima dos kedua suntikan, sekurang-kurangnya ia sudah mencukupi pada waktu ini untuk menceriakan pemilik kedai dan pelanggan.

Ini memandangkan jumlah mereka yang telah menerima suntikan dos kedua di seluruh negara sudah mencapai 5.5 juta menurut data sehingga 26 Julai. Jumlah yang menerima dos pertama pula ialah 11.8 juta. Bererti jumlah yang sudah menerima suntikan ialah 17.3 juta. Jumlah yang sudah mendaftar pula 19.9 juta.

Wilayah Persekutuan sendiri mensasarkan mencapai matlamat imuniti kelompok atau *herd community* pada bulan Ogos apabila 80 peratus warganya disaruh sudah disuntik dos lengkap. Wilayah Persekutuan dijangka mendahului negeri lain dalam pencapaian imuniti kelompok ini.

Ini juga bermakna di Wilayah Persekutuan di mana wujud warung, kedai makan dan restoran di setiap penjuru bandar bakal menyaksikan ramai layak *dine in* setelah menerima suntikan kedua. Hanya 20 peratus sahaja yang perlu sabar menunggu.

Diharap kelonggaran ini janganlah dijadikan sebagai pasport untuk 'merdeka' sehingga melepak dan berbual panjang di kedai kopi walau pun sekadar hanya untuk minum secawan teh atau menikmati roti canai.

Pada masa sama ia juga bukan bermakna bebas atau bebas daripada COVID-19. Porsedur operasi standard (SOP) masih tetap perlu dipatuhi. Kelonggaran diberi bukan mutlak, sehinggalah negara benar-benar bebas daripada cengkaman COVID-19.

### Waspada bila tunaikan umrah

**TENTU** ramai jemaah Malaysia yang teruja apabila kerajaan Arab Saudi mengumumkan negara itu membenarkan jemaah luar negara melaksanakan ibadah umrah mulai 10 Ogos ini setelah beberapa lama terhenti akibat pandemik COVID-19.

Pastinya di Wilayah Persekutuan sendiri ramai yang sudah tidak sabar untuk menjelaskan kaki ke tanah suci setelah sekian lama menunggu. Dalam keadaan mengerjakan haji masih belum dibenarkan bagi rakyat negara ini, kelonggaran diberi untuk mengerjakan umrah amat dialu-alukan.

Difahamkan kerajaan Arab Saudi memberikan kelonggaran ini berikutan kejayaan negara tersebut menguruskan musim haji tahun ini dengan jaya.

Pihak berkuasa Arab Saudi dikatakan sudah membuat persediaan sewajarnya bagi menyambut kedatangan para jemaah umrah ini dalam keadaan COVID-19 yang masih mengganas.

Sehubungan itu program sanitasi juga dilaksanakan di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan ibadah umrah, termasuk Masjidil Haram. Ini bagi membolehkan para jemaah beribadah dengan lancar dan dilindungi daripada jangkitan.

Dijangka ramai bakal ke tanah suci sempena kebenaran semula umrah ini dari seluruh pelosok dunia. Justeru segala langkah kawalan dan pencengahan penularan virus COVID-19 sangat diutamakan.

Kepada jemaah dari Malaysia, dan Wilayah Persekutuan khususnya yang berhasrat menuaikan umrah, sentiasalah jaga keselamatan dan kesihatan diri. Terus patuhi prosedur operasi standard (SOP) yang biasa diamalkan, di samping mematuhi apa juga peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi.

Semoga para jemaah dapat menuaikan amal ibadah dengan selesa dan lancar dan segala amal ibadah diterima Allah dan diberkatiNya. Semoga selamat pergi dan kembali.



WILAYAH PERSEKUTUAN  
**WILAYAH  
PRIHOTIN**

## PROGRAM VAKSINASI BERGERAK

### MY Medic@Wilayah



**WAN NOR HAYATI  
BINTI WAN ISMAIL**

“Proses Vaksinasi Bergerak **MY Medic@Wilayah** sangat cepat, hanya mengambil masa kurang 30 minit. Saya seronok dan berpuas hati dengan proses di sini sangat tersusun.”



**RAYMOND & SHIN**

“Terima kasih Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) & Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atas inisiatif ini dengan membawa PPV Mobile ke Perumahan Awam. Sangat bagus kerana memudahkan penduduk perumahan di sini mendapatkan vaksin.”



**MUNIANDY A/L MUNUSAMY  
OKU (Penglihatan)**

“Saya amat berpuas hati dengan Program Vaksinasi Bergerak di bawah KWP & DBKL ini. Sangat cepat dan prosesnya mudah untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) seperti saya.”



DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

# Siapa miskin?

**“Laporan media pada 15 Julai 2020 menyebut 50 peratus daripada 1,283 gelandangan yang diselamatkan di seluruh negara semasa fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan dahulu, adalah dari Kuala Lumpur.**

masuk ‘ke gelanggang’ bukan kerana tuntutan kehidupan, tetapi lebih disebabkan sikap dan kebiasaan.

Di Jakarta, bekalan air bersih sejak lama menjadi masalah.

Air dari Empangan Jatiluhur, Sungai Cisadane dan Krukut yang menjadi sumber utama pengguna di kota besar itu nyata tidak mampu menampung keperluan warganya.

Ini mengakibatkan 30 peratus penduduk Jakarta pada tahun 2017 bergantung pada sumber air bawah tanah.

Pergi menjadi galang ganti dan bagi mereka di kawasan setinggan yang miskin dan sesak menggunakan air dari Sungai Ciliwung bagi menampung pelbagai keperluan bukanlah perkara aneh.

Di Kuala Lumpur, ada juga orang bergantung pada pergi dan air Sungai Kelang serta Sungai Gombak untuk kegunaan harian.

Tetapi itu semua cerita lama, puluhan dan ratusan tahun dahulu, ketika air di kedua-dua sungai itu masih bersih dan tidak tercemar.

Sekarang semua itu hanya kenangan. Semiskin mana sekalipun warga Kuala Lumpur mereka tidak perlu menggunakan air sungai untuk mandi-manda, membasuh, apatah lagi sebagai sumber minuman.

Di Bogota, Manila, Dhaka, Bangkok, Ho Chi Minh City dan banyak kota besar lagi berita tentang kanak-kanak perempuan terhumban ke lembah pelacuran adalah berita biasa.

Tidak sedikit kes-kes ini melibatkan keluarga sendiri, yang memperdagangkan darah daging kerana desakan hidup.

Perkara yang sama tidak terjadi di Kuala Lumpur – dan bandar-bandar utama lain di negara ini.

Rakyat kita tidak perlu melacur untuk hidup kerana ada pelbagai skim, dalam pelbagai bentuk, disediakan untuk membantu meringankan beban kehidupan mereka. Jika ada yang melacur ia adalah kerana itu



VERIFIKASI data e-Kasih pada Mac lalu menunjukkan hanya 6,000 keluarga di Kuala Lumpur berada dalam kategori miskin dan 4,000 dalam kumpulan miskin tegar.

pilihan sendiri.

Tetapi jumlah mereka juga kecil kerana yang sering mengotarkan bandar raya ini adalah pelacur-pelacur asing, yang dihambat oleh kemiskinan di tempat asal mereka.

Di sebalik gemerlap Hongkong sebagai kota perdagangan yang hebat di mata dunia, terdapat insan-insan malang yang terpaksa tinggal dalam sangkar besi yang ditempatkan di sebuah dormitori.

Kebiasaannya di setiap dormitori terdapat kira-kira 20 sangkar yang diletakkan secara bertingkat. Setiap sangkar, luasnya hanya 70 X 24 inci.

Cukup untuk tubuh seorang lelaki dewasa baring. Dan untuk ruang sekecil itu si penghuni masih perlu membayar antara RM600 hingga RM800 sebulan!

Seumur itu tidak ada di Kuala Lumpur. Bandar raya ini belum pernah membiarkan warganya hidup dalam sangkar.

Jika ada pun, ‘sangkar’ yang kerajaan sediakan adalah yang berukuran 650 kaki persegi ke atas, yang dilengkapi dengan bilik-biliknya, dengan bekalan elektrik dan air.

Dinamakan PPR dan PPA, ia sebetulnya boleh dikategorikan sebagai kediaman mewah jika mengikut ukuran Hongkong sebab di pulau itu seunit kediaman berukuran 276 kaki persegi harganya boleh mencapai RM2.5 juta.

Caracas di Venezuela, Tijuana di Mexico, Cape Town di Amerika Selatan, St Louis di Amerika Syarikat adalah antara bandar-bandar yang paling berbahaya di dunia.

Ia sarat dengan pelbagai

sudut mana sekalipun, Kuala Lumpur berada dalam posisi lebih baik daripada kebanyakan bandar utama lain di dunia.

Verifikasi data e-Kasih pada Mac lalu menunjukkan hanya 6,000 keluarga di Kuala Lumpur berada dalam kategori miskin dan 4,000 dalam kumpulan miskin tegar.

Jumlah yang sangat kecil jika dibandingkan dengan ibu kota negara-negara tetangga.

Sebab itulah kempen Bendera Putih yang dilancarkan oleh pihak-pihak tertentu baru-baru ini tidak mendapat sambutan, khususnya di Kuala Lumpur.

Ia bukan bermakna tidak ada warga Kuala Lumpur yang susah, tetapi mereka yang susah itu tahu jika berdepan dengan kesukaran, mereka ada tempat mengadu.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensinya sebagai contoh, bersedia menjadi tempat rakyat bersandar sepanjang masa.

Usaha-usaha untuk membantu tidak dilakukan secara bermusim, tetapi sepanjang waktu.

Jadi kemiskinan bukan masalah utama di Kuala Lumpur. Yang menjadi masalah ialah keengganan sebahagian orang untuk menilai dan bersyukur.

Mereka inilah sebenarnya yang miskin!

**Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan**

## SAJAK

### MEJA SEJARAH

Tentunya ada yang patuh kalau sendi yang ada tidak cukup kukuh menanggung beban di atas meja sejarah asalkan tiada kopi tumpah

akal menjadi tumpul sebab tidak boleh membantah kita akan dipertanggungjawabkan kalau ada fakta bercanggah

Sesekali kita belajar menerima kita sulamkan timbang-tara atas meja sejarah ada bunga-bunga perjuangan warnanya jauh berubah mendokong zaman semasa!

*Ismail Hashim  
Warisan Puteri, N.SEMBILAN*

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Tiada bunyi pukulan kompang...

**S**EORANG rakan Adi yang menyediakan khidmat *venue* majlis perkahwinan bercerita bagaimana dia melalui waktu sukar dalam masa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekarang.

Bisnesnya terhenti kerana tiada orang mengadakan majlis perkahwinan di tempatnya, yang menyediakan pakej lengkap makanan dan pelamin.

Banyak tempahan yang dibuat lebih awal dibatalkan. Tempahan baharu juga tidak masuk kerana orang ramai tidak pasti bila majlis perkahwinan dengan ramai hadirin dibenarkan semula.

Yang ada diberi kebenaran sekarang pun hanya akad nikah di pejabat agama dengan kehadiran pengantin, wali dan saksi.

Tiada suasana meriah atau riuh rendah pengantin diarak, tiada bunyi pukulan kompang. Malah ada yang bernikah secara online.

Rakan Adi memberitahu, tiada pendapatan baginya sedangkan dia sendiri perlu membayar sewa tinggi bagi *venue* berkenaan.

Biasanya pendapatan daripada sewa *venue* oleh orang ramai digunakan sebagai modal pusingan untuk membayar sewa dan keperluan lain.

Adi percaya masalah ini bukan dihadapi oleh rakan Adi seorang, tetapi oleh ramai lagi pengusaha *venue* perkahwinan yang banyak di Wilayah Persekutuan.

Daripada *venue* besar sehinggalah kepada sederhana, daripada yang ekslusif hingga hinggalah yang terbuka.

Adi juga faham, banyak sektor terjejas kerana PKP yang bertujuan mengekang penularan pandemik COVID-19.

Misalnya sektor perjalanan dan pelancongan (*travel and tours*), penginapan seperti hotel atau inap desa (*homestay*) serta beberapa sektor lain. Sektor-sektor seperti ini juga bergelut untuk terus bernafas.

Namun Adi ingin memberi fokus kepada sektor penyediaan pakej perkahwinan kerana ia jarang ditonjolkan. Ramai ramai pemilik *venue* perkahwinan dan pelabur yang keperluan perkahwinan di Wilayah Persekutuan terjejas.

Pelbagai overhead kos terus perlu ditanggung seperti sewa atau bil utiliti sedangkan pendapatan tiada. Ia juga mempunyai kesan rentetan atau *chain reactions*.

Ketidaaan tempahan majlis perkahwinan menyebabkan *venue* perkawinan kosong untuk tempoh yang lama. Malah ada yang terpaksa memberhenti atau mengurangkan pekerja.

Kesan rantaiannya ialah tempias yang ditanggung oleh



**KETIADAAN** tempahan majlis perkahwinan menyebabkan *venue* perkawinan kosong untuk tempoh yang lama. Malah ada yang terpaksa memberhenti atau mengurangkan pekerja.

pemain-pemain lain dalam majlis perkahwinan.

Contohnya jurusolek, pembekal pakaian pengantin, pembekal alat siar raya, deejay dan pereka pelamin. Kesemuanya akan terjejas.

Jika di tempat terbuka seperti dewan komuniti atau khemah, ia turut menjelaskan pembekal makanan atau caterers, pembekal kerusi meja serta pembekal khemah.

Sehingga bila ini semua akan terpaksa dilalui tiada siapa dapat menduga.

Dengan suasana COVID-19 masih mengganas, angka jangkitan dan kematian terus meningkat, kesuraman ini mungkin terpaksa dilalui untuk tempuh lama lagi.

Adi simpati dengan kepahayan yang ditanggung oleh pemilik *venue* perkahwinan dan mereka yang terlibat dengan kerja-kerja perkahwinan.

Namun suasana dalam negara belum mengizin diadakan majlis perkahwinan dan berkumpul

beramai-ramai.

Diharap negara akan segera bergerak ke fasa seterusnya dalam Pelan Pemulihran Negara (PPN) sehingga majlis-majlis sedemikian dibolehkan.

Adi juga berharap dengan program vaksinasi menuju ke arah imuniti kelompok atau *herd community*, maka masalah sektor penyediaan perkahwinan dan sektor-sektor lain akan berlalu.

Ke arah pencapaian matlamat ini dan dalam usaha kerajaan mengekang COVID-19, rakyat mesti menyokong dan memberi kerjasama.

Daftarkan diri untuk mendapatkan suntikan vaksin sebagai perlindungan diri dan sentiasalah mematuhi prosedur operasi standard (SOP). *Jika tidak dipecah ruyung di manakan dapat sagunya.*

## SUNTIK VAKSIN WALK IN DI KLINIK SWASTA

Adi terbaik mengenai cadangan agar kerajaan

**MAKLUMAN AWAM**

**Bersama Hentikan Wabak Covid-19**

**PUSAT AGIHAN MAKANAN KEPADA GELANDANGAN SELIAAN DBKL**

**BERTEMPAT DI**

- ◆ PUSAT KHIDMAT GELANDANGAN (PKG) MEDAN TUANKU
- ◆ PUSAT PEMBELAJARAN DALAM KOMUNITI (PPK) CHOW KIT

SILA HUBUNGI PETUGAS UNTUK PENYELARASAN SUMBANGAN MAKANAN

IRWAN - 012 9612 251 / SHIELA - 012 2419 029 / WAHIDA - 018 9897 956

DEWAN RENDAH NEGARA KUALA LUMPUR DEWAN RENDAH NEGARA KUALA LUMPUR DEWAN RENDAH NEGARA KUALA LUMPUR DEWAN RENDAH NEGARA KUALA LUMPUR

**“ Adi simpati dengan kepahayan yang ditanggung oleh pemilik *venue* perkahwinan dan mereka yang terlibat dengan kerja-kerja perkahwinan.**

membenarkan suntikan vaksin diberikan kepada orang ramai secara datang terus atau *walk in* di semua klinik swasta di seluruh negara yang terlibat dengan Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Ini sebagai langkah memudahkan orang ramai divaksinasi, khususnya bagi mereka yang belum mendapat temu janji. Langkah ini juga akan membolehkan lebih ramai orang divaksinasi dalam masa lebih cepat.

Memetik *Sinar Harian*, pengamal Perubatan Am di Kuala Lumpur, Dr. Eratha Krishnan yang mengutarkan padangan tersebut juga percaya langkah itu turut mampu meningkatkan kadar vaksinasi bagi warga asing, khususnya yang tinggal di Lembah Klang.

Umum mengetahui Lembah Klang adalah kawasan tertinggi mencatatkan jumlah kes harian baharu COVID-19.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh mengambil kira kemampuan dan kapasiti klinik swasta terlibat untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam program suntikan secara *walk in* tersebut.

Bagi Adi, saranan Dr. Krishnan ini baik dan wajar. Kerajaan boleh memberi pertimbangan serius terhadap saranan ini, khususnya bagi Lembah Klang.

Wilayah Persekutuan sendiri mensasarkan mencapai matlamat imuniti kelompok atau *herd community* menjelang bulan Ogos dengan 80 peratus penduduk menerima suntikan dos lengkap.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, sasaran ini dibuat untuk mempastikan Kuala Lumpur akan segera kembali ‘hidup’ dengan pelbagai aktiviti yang selama ini terhad akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ini sejajar dengan kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat kegiatan ekonomi negara.

Jika *walk in* di klinik swasta ini dilaksanakan, dipercayai ia dapat membantu mempercepatkan pencapaian matlamat ini, sebagai sokongan kepada pelbagai usaha yang dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk memvaksin seramai mungkin dalam waktu sesingkat mungkin.

Adi berpendapat, pemberian vaksin *walk in* di klinik swasta memang bersesuaian kerana pada wakti ini pun klinik swasta memang terkibat melaksanakan program PICK.

Lebih 300 klinik di Kuala Lumpur telah diberi ‘watikah’ menjadi pusat pemberian vaksin (PPV).

Lagi pun pada masa ini klinik swasta memang ada memberi khidmat saringan COVID-19 segera secara *walk in* tanpa temu janji dan tiada had tertentu untuk melakukan saringan.

Kerana itu tidak seharusnya menjadi masalah kepada klinik swasta memberikan vaksinasi secara *walk in* juga.

Seperti dinyatakan oleh Dr. Krishnan, inilah masa sesuai melaksanakan langkah ini memandangkan bekalan vaksin negara sudah stabil.

Sebahagian besar penduduk di Lembah Klang pula telah mendapat sekurang-kurangnya satu dos suntikan.

Pemvaksinan secara *walk in* ini juga memindahkan sedikit sebanyak beban di PPV ditetapkan kerajaan kepada klinik swasta.

Dengan itu juga orang ramai boleh menerima suntikan dalam keadaan selesa, lapang serta lebih pantas.

Adi berpendapat, sebarang cadangan yang menjurus ke arah mempercepatkan pemberian vaksin kepada orang ramai sewajarnya diberi pertimbangan sehalus-halusnya untuk dilaksanakan. Yang penting matlamat sasaran imuniti kelompok segera dicapai.

- Adi Tuah

## SAJAK

### MENAFSR PENGORBANAN

Pada Zulhijjah yang mengajar makna tuntas kesetaan sabar yang paling luar biasa dugaan yang tertinggi terpuji keimanan tingkat paling sejati.

Pada Zulhijjah yang dibaca adalah sebuah kesimpulan keimanan rumusan catatan kemanusiaan bahawa perjuangan ini tidak lepas dari tuntutan cabaran dalam pengorbanan.

Pada Zulhijjah ini, kita bagai belajar untuk mendidik akal, hati, rindu dan cinta pasrah yang berdoa waspada dan cega yang bijaksana.

**Solihin Osman**  
Dangau Seni, Kangar.

Sumbangan YWP bantu calon SPM teruskan cita-cita ke menara gading

# Hadiah paling bermakna buat Zikrul

AZLAN ZAMBRY

**K**EMALANGAN yang berlaku pada petang Hari Raya Aidiladha lalu telah mengakibatkan saraf di bahagian bahu kiri **Zikrul Ariff Che Ani**, putus di samping beberapa kecederaan lain yang dialaminya.

Namun bagi remaja berusia 17 tahun itu, kemalangan yang berlaku mempunyai hikmah tersendiri, oleh itu dia menzhirikan kesyukuran kerana masih mampu meneruskan kehidupan demi mengejar impian serta cita-cita untuk menuntut di menara gading.

“Apabila dihadiahkan sebuah komputer riba, saya sememangnya tidak menyangka kerana saya hanya rakyat biasa dan mendapat hadiah daripada Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.”

“Saya akan memanfaatkan pembenaran ini dengan sebaik-baiknya



**YAYASAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

seperti yang diharapkan Tan Sri Annuar Musa,” katanya kepada *Wilayahku* pada Khamis.

Bercerita lanjut, Zikrul berkata, dia hanya mengetahui perkara tentang pemberian tersebut apabila dihubungi pihak Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

“Sejujurnya, saya merasakan ini adalah hadiah yang paling berharga pernah saya terima dan ia pula berlaku ketika sedang berehat selepas kemalangan.

“Tambah mengejutkan, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun pula yang menghantar sendiri kepada saya di rumah mewakili menteri,” katanya.

Dia turut bersyukur apabila ditarik tempat bagi mengikuti kelas tambahan anjuran YWP khusus untuk murid yang bakal menghadapi



ZAIZALNIZAM (kiri) mewakili Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang juga Pengurus YWP menyerahkan komputer riba kepada Zikrul di rumahnya pada Rabu.

peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini.

“Saya menganggap bahawa ini merupakan hadiah yang sangat

bernilai dan sumbangan daripada YWP ini banyak membantu untuk saya mengulangkaji pelajaran sebagai persediaan menghadapi

peperiksaan,” katanya.

Kisah Zikrul Ariff mendapat perhatian seorang guru yang mengajarnya dan ia kemudian dipanjangkan kepada pengetahuan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa melalui aplikasi WhatsApp baru-baru ini.

Terdahulu, Annuar memuji sikap keprihatinan dan kecaknaan guru tersebut yang mengambil berat mengenai pelajarnya.

“Saya terima WhatsApp daripada seorang guru tentang muridnya yang ditimpakan kemalangan dan muridnya memerlukan bantuan.

“Guru ini menunjukkan sikap cakna, prihatin dan mengambil berat hal murid. Ini satu contoh yang baik,” ciapnya di Twitter pada Rabu.

Beliau yang juga Pengurus YWP turut mendoakan agar Zikrul cepat sembuh dan memanfaatkan hadiah tersebut untuk tujuan pembelajaran. **WK**

# GrabFood bantu kelompok bujang jana pendapatan tambahan

NAZWIN NAZRI

**R**AMAI yang menyangka kelompok bujang tidak terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun hakikatnya mereka juga mempunyai tanggungan sendiri seperti pembiayaan kenderaan mahupun perumahan.

Menurut bekas pemandu pelancong, **Afiqah Ariffin**, 31, walaupun masih bujang, dia turut mempunyai tanggungan kewangan di samping perlu memperuntukkan sejumlah wang untuk menjalani kehidupan harian.

Bercerita mengenainya, dia menzhirikan rasa syukur kerana berpeluang menyertai pasukan Grab Malaysia selepas pekerjaan sebagai pemandu pelancong terjejas akibat PKP dan penularan wabak COVID-19.

Katanya, penyertaan itu sebagai alternatif untuk menjana pendapatan sementara dan demi kelangsungan hidupnya dalam tempoh getir masa ini.

“Selepas pandemik COVID-19 mula memberi kesan pada awal tahun 2020, pendapatan saya sebagai pemandu pelancong mula terjejas kerana ramai pelancong membuat pembatalan.

“Sejak PKP bermula Mac 2020, saya terus hilang punca pendapatan kerana sempadan negara ditutup. Saya masih bujang tetapi masih perlu menanggung kos hidup,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Ekoran kesan penularan wabak yang berpanjangan, Afiqah meneruskan kerja sebagai penghantar makanan di bawah kendalian GrabFood.

Ujarnya, pekerjaan itu lebih mudah dilakukan kerana Grab



AFIQAH gembira meneruskan kerja sebagai penghantar makanan GrabFood dan menjana pendapatan demi kelangsungan hidupnya.

**G**rabFood

Malaysia tidak menetapkan jadual penghantaran sebaliknya mereka menawarkan masa yang fleksibel kepada ahli.

“Sebelum ini, saya pernah bekerja sebagai penghantar makanan dengan syarikat lain tetapi saya tidak lagi bekerja dengan syarikat itu kerana jadualnya yang tidak fleksibel dengan pekerjaan saya sebagai pemandu pelancong.

“Dengan Grab, saya boleh bekerja pada bila-bila masa tanpa mengikut jadual dan bagi saya ini lebih fleksibel.

“Malah, pendapatannya juga

lumayan dan saya sudah melihat secara langsung pendapatan rakan-rakan penghantar GrabFood yang lain,” katanya sambil menambah, pada masa ini dia boleh menyara diri dan membiayai kos hidup dengan pendapatan daripada Grab.

Dalam pada itu, Afiqah memberitahu, individu yang terjejas seharusnya menyertai kerja yang ditawarkan Grab Malaysia seperti penghantar makanan di bawah GrabFood sebagai alternatif baharu untuk menjana pendapatan tambahan.

Katanya, ia disebabkan sistem bekerja penghantaran makanan adalah fleksibel dan amat memudahkan pekerjanya. **WK**

## Peningkatan mendadak siswazah menganggur

**P**ERSEKITARAN ekonomi kurang memberangsangkan pada 2020 dan kesannya kepada kedudukan pasaran buruh menyebabkan bilangan siswazah menganggur meningkat ketara sebanyak 22.5 peratus kepada 202,400 orang atau 37,200 orang kepada 202,400 orang.

Ketua Perangkawan Malaysia, **Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin** berkata, pertambahan itu dilihat bagi pemegang Ijazah iaitu seramai 22,400 orang dan pemegang Diploma (14,800 orang) yang sebahagian besarnya dalam kalangan umur lebih 35 tahun.

“Justeru, kadar pengangguran siswazah pada 2020 naik sebanyak 0.5 mata peratus kepada 4.4 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya.

“Selain itu, lebih 75 peratus daripada siswazah menganggur adalah mereka yang aktif mencari kerja, yang mana hampir separuh menganggur bagi tempoh kurang daripada tiga bulan,” katanya dalam satu kenyataan.

Siswazah dalam laporan itu ditakrifkan sebagai individu yang memperoleh sijil tertinggi daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun.

Mohd Uzir berkata, dalam kalangan 4.35 juta siswazah bekerja pada 2020, lebih daripada dua pertiga atau 68.8 peratus bekerja dalam kategori pekerjaan mahir, namun bilangannya berkurang sebanyak 0.8 peratus berbanding 2019.

“Pengurangan dilihat dalam kategori pekerjaan profesional serta juruteknik dan professional bersekutu. Sementara itu, kategori separuh mahir merekodkan peningkatan 19.3 peratus, terutama dalam kategori pekerja perkhdmatan dan jualan dan operator lori dan mesin serta pemasang.

“Sehubungan itu, komposisi siswazah bekerja dalam kategori separuh mahir meningkat kepada 28.9 peratus berbanding 25.6 peratus pada tahun sebelumnya. Manakala, sebanyak 2.3 peratus siswazah bekerja adalah dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah,” katanya.

Mengulas berkenaan gaji dan upah yang diterima oleh siswazah pada 2020, beliau berkata, purata bagi pekerjaan utama sepenuh masa atau setaraf turun 10.6 peratus berbanding 2019 kepada RM4,489 berbanding RM5,020 pada tahun sebelumnya. **WK**

# Keasyikan gitar beri ketenangan warga Putrajaya



AINI MAWAWI

**P**ETIKAN gitar yang mempersona mampu membangkitkan suatu perasaan indah dari dalam diri. Malah, dikatakan keasyikan memetik gitar dapat melampiskan segala perasaan yang terburu di hati.

Dalam situasi pandemik COVID-19 ini, bermian gitar merupakan antara aktiviti santai sambil berhibur pilihan ramai bagi mengubati kerinduan terhadap kaum keluarga yang jauh di mata.

Menyedari hal tersebut, Unit Kesenian dan Kebudayaan Perbadanan Putrajaya (PPj)

mengambil langkah menyediakan video-video pembelajaran atas bermain gitar melalui lagu-lagu popular masa kini di laman Facebook PPj.

Menurut Ketua Unit Kesenian dan Kebudayaan PPj (Bahagian Komunikasi Korporat), **Mohd Farid Jamaludin**, pihaknya akan memuat naik video-video baru setiap dua minggu bagi memberi kefahaman kepada mereka yang berminat dengan gitar.

“Teknik asas yang diajar mudah difahami tanpa modul pembelajaran muzik yang formal (Rock School). Dalam keadaan Perintah Kawalan



MOHD FARID JAMALUDIN

Pergerakan (PKP) ini, saya yakin ia satu aktiviti yang berfaedah untuk pelbagai lapisan masyarakat,” ujarnya.

Katanya, usaha perkembangan seni dalam komuniti Putrajaya ini juga ke arah pembangunan sahsiah diri komuniti yang mampan dan seimbang.

“Ini merupakan antara usaha kami bagi membantu agensi PPj dalam melestarikan Putrajaya dengan pelbagai program seni. Bidang seni dilihat dapat memberi disiplin dan menambah daya kreativiti seseorang.

“Untuk pengetahuan, PPj turut mengadakan kelas gitar secara percuma di Pusat Kejiranan P16 setiap Sabtu pukul 10 pagi. Kelas yang berlangsung selama satu jam ini walau bagaimanapun dihentikan seketika sewaktu PKP” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, kelas gitar secara fizikal tersebut sudah pun bermula sejak September 2019 yang mana setakat ini lebih kurang 25 pelajar telah mendaftar dan hadir mengikuti kelas.

“Tiada had umur untuk menyertainya dan ia terbuka kepada komuniti Putrajaya bagi membantu merangsang daya



KOMUNITI Putrajaya ketika sesi kelas gitar fizikal.



KELAS gitar secara dalam talian sepanjang musim PKP.



KETIKA sesi persembahan gamelan.



kreativiti seni dan membina komuniti yang lebih kreatif dan seimbang.

“Kita lihat kelas-kelas sebegini masih kurang di kawasan Putrajaya, jadi dengan adanya ruang pembelajaran khas secara percuma, diharap ia memberi manfaat kepada mereka,” kata beliau kepada Wilayahku.

Selain daripada kelas gitar, komuniti juga boleh menyertai kelas gamelan yang berlangsung setiap Rabu pukul 8.30 malam di Bilik Kesenian PPj.

“Kelas gamelan mendapat sambutan yang amat menggalakkan

yang mana mereka yang menyertainya juga sudah berjaya membuat persembahan di majlis-majlis korporat antaranya di PPj dan Hotel Pulse Grande pada tahun lalu.

“Komuniti Putrajaya yang berminat boleh datang terus secara walk-in pada hari Sabtu pukul 10 pagi atau boleh menghubungi tutor kelas, Saiful di talian **03-8000 8000** sambungan **8083** (Bilik Muzik).

“Selain daripada itu, aktiviti drum circle juga turut diadakan sebulan sekali secara percuma di lokasi-lokasi pilihan dalam Putrajaya,” ujar beliau. WK



**Penduduk di Selangor, KL dan Putrajaya yang positif COVID-19 diminta TIDAK ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) sekiranya:**

- Tidak bergejala atau
- Bergejala ringan

Mereka perlu mengasingkan diri serta merta dan menjalani tempoh kuarantin di rumah.

**Apa perlu dilakukan?**

- Maklumkan keputusan ujian saringan di aplikasi MySejahtera.

- Digital HSO akan diberikan.
  - Lengkapkan Home Assessment Tool (HAT) di MySejahtera.
  - Penilaian kendiri pesakit akan dipantau oleh CAC Maya. Pesakit akan dihubungi jika perlu.
  - Pesakit yang perlu ke CAC terdekat untuk penilaian lanjut klinikal akan dimaklumkan melalui notifikasi di MySejahtera atau dihubungi Pusat Panggilan CAC.
  - Pesakit yang perlukan bantuan boleh hubungi CAC Call Centre **03-7723 9299** (8.00 pagi - 9.00 malam setiap hari) atau CPRC Hotline **03-7723 9300** (8.00 pagi - 12.00 tengah malam setiap hari).
  - Pesakit perlu segera ke hospital jika gejala menjadi semakin teruk.
- Peraturan terbaru ini bagi memastikan pesakit tidak perlu menunggu lama di CAC dan pesakit yang bergejala teruk mendapat rawatan segera.**



## NOTIS MAKLUMAN

Adalah dimaklumkan, Perbadanan Putrajaya dengan ini menutup premis berikut bagi tujuan sanitasi dan pembersihan sebagaimana ketetapan berikut-

PREMIS DITUTUP	PASAR AWAM PRESINT 8
TARIKH DITUTUP	28 HINGGA 30 JULAI 2021 (RABU HINGGA JUMAAT)
TEMPOH DITUTUP	3 HARI

Premis ini akan dibuka semula pada **31 JULAI 2021 (SABTU)** sebagaimana waktu operasi yang ditetapkan.

# Contohi Labuan Perangi COVID-19

**S**EBELUM Ramadan yang lalu, Wilayah Persekutuan Labuan adalah merupakan antara negeri yang paling selamat.

Bilangan kes harinya ketika itu begitu rendah dan ada hari-hari yang tiada langsung kes baru dicatatkan.

Labuan juga pada waktu itu sudah hampir untuk diisyiharkan sebagai zon hijau sepenuhnya.

Namun begitu, tanggal 24 April 2021 menyaksikan segala-galanya mula berubah.

Serangan varian Delta telah menjadikan Labuan sebagai negeri yang paling terkesan dengan COVID-19.

Situasi tersebut semakin memuncak menjelangnya sambutan hari raya. Kes meningkat dengan mendadak bermula pada minggu epidemiologi ke-19 dengan merekodkan 31 kes disusuli dengan 164 kes minggu berikutnya.

Jumlah jangkitan terus meningkat pada minggu epid ke-23 yang menyaksikan Labuan mencatatkan sejarah sebagai negeri yang merekodkan insiden tertinggi iaitu 1,344 kes bagi 100,000 penduduk dalam masa seminggu.

Susulan peningkatan mendadak kes, selain penularan varian baharu yang lebih merbahaya, Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan telah mengambil satu pendekatan berani dengan meminta supaya Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan di Labuan.

Tujuannya adalah untuk mengelakkan situasi daripada menjadi lebih buruk.

Pelbagai rintangan dan juga cabaran yang perlu dihadapi oleh kerajaan dan juga petugas barisan hadapan ketika itu untuk mengawal penularan varian baharu di Labuan yang berstatus pulau.

Sebagai sebuah pulau kecil, kemudahan kesihatan adalah sangat terhad dengan keupayaan hospital hanyalah 120 katil.

Untuk itu, Annuar telah meminta Jabatan Kesihatan Labuan supaya mempertingkatkan keupayaan rawatan dengan bilangan pakar mencecah 20 orang.

Selain itu, beliau turut meminta pertambahan bilangan pegawai perubatan serta paramedik bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Walaubagaimanapun, keupayaan ini sebenarnya hanya mampu menampung sehingga 200 pesakit sahaja.

Selain daripada kekurangan



**SERANGAN** varian Delta meningkatkan kes sekali gus menjadikan pulau bebas cukai itu antara negeri yang mencatatkan jumlah kes COVID-19 tertinggi.

dari segi keupayaan, pertambahan kes yang mendadak di Labuan yang berstatus pulau telah menyebabkannya terasing dari dunia luar.

Ita secara tidak langsung turut telah menjelaskan proses penghantaran bantuan ke sana. Lebih memburukkan keadaan, faktor logistik juga telah menyebabkan pesakit tidak boleh dibawa keluar dari Labuan.

Satu lagi cabaran yang perlu dihadapi ketika itu adalah kekurangan peralatan perubatan. Pada waktu itu, hanya terdapat lima sahaja katil di wad kecemasan (ICU).

Menyedari hakikat tersebut dan malapetaka yang akan berlaku sekiranya tiada tindakan yang lebih efisien diambil, Jabatan Kesihatan Labuan dengan sokongan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan telah merencanakan program khas untuk memastikan penularan dapat dibendung dalam dua tempoh penggeraman.

Antara program yang telah dijalankan adalah penyusunan semula sumber bagi memaksimalkan penggunaan sumber terhad, memperkasakan *contact tracing* dengan

memastikan setiap kes dikaji dan dicari sehingga tiga generasi, penilaian risiko secara harian untuk meneliti kemungkinan jangkitan-jangkitan baharu, pelaksanaan PKPD, program *lockdown* kendiri dan yang paling penting adalah program pemvaksinan ataupun Ops Vaksinasi.

Sedikit perkembangan mengenai Ops Vaksinasi Labuan, hasil daripada kerjasama di antara pemimpin masyarakat dan juga Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) telah berjaya memastikan kelancaran program pemvaksinan di Labuan.

Setakat artikel ini ditulis,



**BANTUAN** peralatan perubatan dan pertambahan bilangan pegawai perubatan diperlukan di Labuan bagi mendepani kekangan yang dihadapi Hospital Labuan.

seramai 86.7 peratus penduduk dewasa Labuan telah menerima dos pertama vaksin dan 48.8 peratus telah lengkap menerima dua dos.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menyasarkan untuk mencapai 100 peratus penduduk dewasa Labuan menerima dos pertama menjelang akhir Julai ini.

Kejayaan program pemvaksinan ini juga didorong oleh tindakan efisien Annuar yang telah memohon secara konsisten kepada kerajaan supaya bekalan vaksin dapat disegerakan untuk warga Labuan.

Selain itu, antara program lain yang dijalankan di Labuan adalah pembersihan melalui Ops Bersih COVID-19 yang menyasarkan *targeted mass screening* di kawasan yang berisiko tinggi termasuk kawasan Skim Penempatan Masyarakat Perlarian, kawasan setinggan dan kawasan rumah air.

Pihak berkuasa turut tidak ketinggalan daripada memainkan peranan mereka bagi membantu perang melawan COVID-19 di Labuan.

Program penguatkuasaan bersepada yang diketuai oleh PDRM dan semua agensi telah dijalankan bagi memantau pematuhan norma baharu dan SOP.

Pihak PDRM juga turut membantu di dalam memastikan program kuarantin di rumah dipatuhi oleh masyarakat.

Annuar sendiri selaku Menteri yang diamanahkan untuk menjaga Labuan, turus menampilkan keprihatinannya dengan mengambil tindakan pantas mendapatkan persetujuan daripada Menteri Kanan Pertahanan, yang kini juga adalah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri

Yaakob, untuk mengadakan kolaborasi bersama Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk penghantaran bekalan bagi memastikan warga Labuan tidak terputus

bekalan barang makanan dan keperluan sewaktu pelaksanaan perintah PKPD di negeri itu.

Sebanyak 120 tan bekalan makanan seperti minyak, gula, beras dan PPE dihantar secara berperingkat bermula 18 Jun lalu dengan kerjasama TUDM dan memanfaatkan sebanyak 14,000 keluarga di Labuan.

Tidak cukup dengan itu, Annuar turut mengumumkan bantuan tambahan khusus ekoran PKP di Labuan kepada empat kumpulan terjejas iaitu pengusaha bas mini dan bas sekolah; pemandu teksi, para peniaga belia berdaftar serta penghantar makanan.

Selain itu, Annuar turut mengumumkan pemberian bantuan bakul makanan kepada penduduk di lapan lokality yang dikenakan sekatan pergerakan bersasar serta penduduk yang terjejas akibat PKPD.

Usaha-usaha ini membuktikan kesungguhan Annuar untuk memastikan tiada mana-mana individu ataupun kumpulan yang terjejas dalam perang melawan COVID-19 ini.

Mengesahkan lagi kenyataan ‘no one left behind’, Annuar turut telah menubuhkan satu *task force* yang menggabungkan setiap NGO dan juga parti-parti politik yang ada di Labuan tanpa mengira samada mereka

dari gabungan kerajaan ataupun pembangkang untuk sama-sama menjayakan usaha-usaha yang dirancang untuk dilaksanakan.

Tindakan-tindakan efisien Annuar dan kerjasama yang padu oleh semua pihak di Labuan terbukti telah menunjukkan hasil. Jumlah kes di pulau tersebut telah menurun

daripada 1,344 kes pada minggu epid ke-23 kepada 805 kes pada minggu epid ke-26 dan 501 kes pada minggu epid ke-27.

Pada 14 Julai 2021, Labuan hanya mencatatkan 38 kes COVID-19 harian.

Kadar kebolehjangkitan (Rt) juga telah turun dari 2.4 pada minggu epid ke-23 menjadi 0.88 pada 14 Julai 2021.

Selain itu, jumlah katil bagi rawatan dan pusat kuarantin dan rawatan berisiko rendah juga telah berkurang dari 679 katil kepada 493 katil pada 14 Julai 2021.

Penggunaan katil terkini hanyalah 232 atau 47 peratus daripada katil sedia ada. Bagi katil ICU pula, ketika ini hanya sembilan katil sahaja yang digunakan.

Labuan adalah satu model kejayaan pengurusan gelombang serangan ketiga COVID-19 yang datang dengan varian baharu.

Hasil daripada perancangan yang tersusun serta kerjasama yang jitu daripada semua pihak, telah berjaya membawa kepada pengurangan ketara jumlah kes baharu, penggunaan katil hospital yang semakin kurang, peratusan yang tinggi dari segi pemberian vaksin dan juga pembukaan semula secara beransur-ansur sektor sosial dan ekonomi.

Kejayaan Labuan mengekang COVID-19 daripada terus bermaharajalela secara tidak langsung membuktikan bahawa ‘Menang Bersama’ bukanlah hanya sekadar satu slogan semata-mata.

Sebaliknya ia adalah satu kenyataan bahawa perperangan menentang COVID-19 mesti dilakukan bersama-sama.

Tanggungjawab memerangi pandemik ini bukan hanya digalas oleh kerajaan, tetapi oleh semua pihak termasuklah pihak swasta dan seluruh rakyat di negara ini.

# Staf YWP bantu vaksinasi warga kota

SYAHIDI BAKAR

**P**ENGLIBATAN secara langsung Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dalam pelaksanaan program imunisasi penduduk, menjadi antara faktor yang mendorong kelancaran pengoperasiannya.

Sebagai salah sebuah agensi menerajui inisiatif Vaksinasi COVID-19 @Wilayah Prihatin sejak Mei, YWP bukan sahaja telah menyumbang kewangan dan sumber tenaga sukarelawan PriVo, malahan turut menyediakan pelbagai keperluan berkaitan termasuk menempatkan kakitangannya di semua lokasi Pusat Pemberian Yaksin (PPV) mobile.

Pegawai Penyelaras PPV (Dataran Perumahan Awam) PA Seri Kota, **Zaidi Yusof** berkata, semua petugas di PPV memainkan peranan penting bagi memastikan sepanjang tiga hari fasa vaksinasi diadakan, golongan sasar iaitu warga emas, OKU dan individu berisiko perlu divaksin.

Katanya, berdasarkan pelaksanaan program yang diadakan, sebanyak 1,800 dos vaksin disasarkan diberi kepada penduduk PPR atau PA di sesuatu kawasan PPV yang beroprasri.

"Bagi PPV di Seri Kota, secara puratanya seramai 600 dos vaksin diberikan kepada penduduk pada setiap hari. Jadi kuota vaksin dos kedua secara keseluruhan telah berjaya dipenuhi di sini mulai 22 hingga 24 Julai lalu.

"Dengan berkonsepkan perkhidmatan membawa terus



SEORANG kakitangan YWP, Noraini Abdullah bersama dua petugas kesihatan yang terlibat di PPV Rumah Prihatin@GrandSeason.

vaksin kepada warga, maka tiada sebab penduduk tidak menerima. Inisiatif dijayaikan ini demi melindungi keselamatan dan kesihatan diri rakyat dan mereka perlu berikan kerjasama," katanya yang turut dibantu dua lagi kakitangan YWP di lokasi terbabit.

Zaidi berjawatan Pengurus Sumber Manusia dan Pentadbiran Korporat YWP terlibat di lapangan sejak Mei lalu mengakui, usaha yang digerakkan oleh yayasan adalah berpaksikan tanggungjawab sebagai agensi mementingkan kebaikan warga di Wilayah Persekutuan.

Walaupun berdepan pelbagai cabaran dan risiko katanya, amanah yang digalas dilaksana sebaik mungkin demi kesejahteraan semua warga selain berusaha bagi memastikan sasaran 80 peratus imunisasi berkelompok tercapai.

"Antara cabaran perlu ditangani semestinya ialah penularan jangkitan COVID-19 di dalam kawasan PPV diadakan. Jadi selain memastikan ke semua petugas mengamalkan SOP ketat dan kawalan kendiri, kami juga memastikan setiap penerima vaksin yang hadir bebas jangkitan.

"Selain kesukaran warga emas memahami skop dan keperluan untuk mendapatkan suntikan kami turut mengendalikan aspek kebaikan ke semua petugas di PPV termasuk keperluan makanan, keselamatan serba kesihatan semua bagi elakan tercetusnya kluster jangkitan di PPV," katanya.

Sementara itu, bagi Eksekutif Junior YWP, **Zity Nabilah Mohd Nadzri** pula berpendapat, peranan digalas yayasan ketika ini anat mencabar namun ia tidak menjadi halangan bagi mereka berbakti



ZAIDI Yusof dan Fatihah Amir antara kakitangan YWP yang terlibat sebagai petugas di PPV Mobile, PA Seri Kota.

kepada warga penduduk.

Menurutnya, kakitangan YWP telah terlibat sejak permulaan fasa vaksinasi diadakan, dan kini lebih berpuluhan lokasi PPV mobile dibuka, maka di situ ada kakitangan YWP yang bertugas tanpa pula mengambil kira soal cuti atau elauan.

"PPV mobile di Dataran Seri Sarawak ini dilihat agak lengang dari segi kehadiran penerima dos kedua vaksin. Namun daripada aspek risiko pula, ia sama sekali tidak diabaikan

"Selain amalan SOP ketat, kami juga perlu kenal pasti penerima vaksin yang bebas jangkitan. Ini adalah keutamaan bagi mengelak kejadian hari pertama program PPV di sini berulang apabila salah seorang penduduk telah dijangkiti hadir ke lokasi, sebelum rebah.

"Faktor risiko, Kawalan kenditi dan amalan SOP sentiasa

kami jadikan keutamaan ketika depani penduduk. Bagi saya dan rakan, Shahrizzat Sirun (Pegawai Pembangunan Usahawan & Belia YWP) selain kelancaran program vaksinasi, kami juga perlu menyelaras makanan para petugas.

"Secara umumnya, aspek kebaikan semua para petugas sentiasa dijaga dengan baik oleh YWP. semua petugas di PPV diberi makanan percuma sebanyak tiga kali sehari. Bagi setiap sesi pula, sejumlah 2,00 bungkus makanan disedia untuk semua petugas terlibat," ujarnya.

Sementara itu, untuk minggu ketiga Julai, PPV Mobile beroperasi di 5 lokasi iaitu PA Seri Kota, PPR Kampung Baru Air Panas, Dewan PPR Wahyu dan Dataran Seri Sarawak selain PPV Statik di RumahPrihatin@GrandSeasons yang dibuka setiap hari.

## Kesungguhan kakitangan berkhidmat, penentu kecemerlangan YWP - Zaizalnizam

KOMITMEN dan kesungguhan kesemua 70 orang kakitangan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dalam memberi perkhidmatan berpaksikan rakyat adalah asas penting mencemerkangkan institusi.

Perkara tersebut kata Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** amat dihargainya malah diakui prestasi yang dicatat ketika ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa penglibatan sepenuhnya kakitangan di semua peringkat.



ZAIZALNIZAM

kelangsungan YWP dalam mendepani cabaran semasa ini.

"Dua tahun kebelakangan ini penularan pandemik COVID-19 telah mengubah cabaran yang didepani sebelumnya memerlukan YWP sebagai institusi menjaga kebaikan warga Wilayah

Persekutuan, memberi lebih tumpuan terhadap usaha bantuan dan menyelaras program berorientasikan rakyat.

"Secara keseluruhannya, semua 70 kakitangan YWP terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mendepani senario semasa. Jadi, setiap kakitangan kita perlu menggalas amanah dengan dedikasi, malah 45 kakitangan secara langsung berapa di lapangan sebagai penyelaras di setiap PPV Mobile, telah memberikan perkhidmatan

luar biasa dan saya amat menghargainya.

"Jika dibanding tenaga kerja YWP yang sedia ada dengan jumlah populasi di Wilayah Persekutuan, ternyata kita di luar keupayaan, namun syukur ini semua dilalui dengan efektif walaupun terpaksa melakukan banyak pengorbanan.

"Sepanjang penglibatan kakitangan YWP dalam program lapangan semua mereka begitu komited dan sanggup menggadai keselamatan diri demi berbakti kepada rakyat. Kesungguhan inilah yang saya sanjungi dan berbangga iltizam ditunjukkan sehingga ada 10 kakitangan telah disah positif COVID-19 dan dalam proses menjalani kuarantine, kami masih teruskan usaha melawan wabak dan tidak akan berhenti," katanya.

Mengulas mengenai situasi kakitangan disahkan positif COVID-19, Zaizalnizam berkata sitauti ke semua mereka stabil



SALAH seorang sukarelawan PriVo membantu pengunjung yang hadir mendapatkan perkhidmatan di Rumah Prihatin @GrandSeasons, Kuala Lumpur.

dan dijaga sepenuhnya oleh YWP termasuk kemudahan rawatan dan aspek kebaikan yang diperlukan.

Katanya, daripada 10 kakitangan terlibat, hanya dua daripadanya dijangkiti di lokasi bertugas dan selebihnya daripada jangkitan di luar.

"YWP komited memastikan semua perancangan yang dicetuskan YB Menteri, Tan Sri TPr Annuar Musa yang juga Pengerusi YWP dilaksana sebaik

mungkin demi kepentingan bersama rakyat.

"Kami tidak tertumpu Kuala Lumpur semata-mata malahan ada kakitangan yang turut berulang alik ke Labuan untuk pastikan kelancaran program vakdinas yang diadakan selain selaraskan aspek kebaikan petugas di sana," ujarnya sambil tegas mengingatkan semua kakitangan YWP amalkan SOP secara ketat dan lakukan kawalan kendiri.



**D**EMI melancarkan proses pengurusan mayat di Kuala Lumpur di waktu pandemik ini, Pusat Sehenti Sementara (PUSARA) telah dibuka di Kompleks Sukan Institut Sukan Negara (ISN) Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Sebanyak lima buah kontena sepanjang 40 kaki telah disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mampu mengisipi 200 mayat dalam satu masa di waktu pandemik ini.

Dengan bantuan 100 sukarelawan yang terdiri daripada sukarelawan ISN dan Prihatin Volunteers (PRIVO), ia telah meringankan beban kakitangan Hospital Kuala Lumpur (HKL) menguruskan mayat yang meningkat di waktu wabak COVID-19.

Dari masa ke masa, PUSARA akan dinaik taraf dari segi pengurusannya mengikut keadaan semasa. **WK**



SUASANA di Pusat Sehenti Sementara (PUSARA), petugas bertungku-lumus menguruskan mayat yang meningkat di waktu wabak COVID-19.



BANTUAN daripada 100 sukarelawan yang terdiri daripada sukarelawan ISN dan Prihatin Volunteers (PRIVO) meringankan beban kakitangan Hospital Kuala Lumpur (HKL) menguruskan mayat yang meningkat di waktu wabak COVID-19.



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa mendengar taklimat mengenai cara PUSARA beroperasi.





PURIZ

## Pu Riz bantu golongan OKU di PPR Setapak



DEELANJER

**PENDAKWAH** bebas yang juga selebriti popular, **Ustaz Muhammad Haris Mohd Ismail** atau **PU Riz** meneruskan misi bantuan dengan menyerahkan sumbangan kepada 166 golongan orang kurang upaya (OKU) di Projek Perumahan Rakyat (PPR), Setapak, baru-baru ini.

Menurut PU Riz, 26, misi bantuan itu adalah program yang dijalankan pada setiap Jumaat

dengan memberi fokus kepada golongan atau individu kurang bernasib baik dan memerlukan.

“Alhamdulillah, saya bersyukur program misi bantuan ini diper mudahkan Allah SWT. Dari awal program ini dirancang, saya bersama pasukan menyasarkan golongan yang betul-betul memerlukan.

“Apatah lagi dalam keadaan negara yang masih dilanda pandemik menyaksikan ramai orang terjejas dari segi sumber pendapatan. Disebabkan itu, misi ini diharap dapat memberi manfaat kepada mereka.

“Saya percaya, jika kita memudahkan urusan orang lain, Allah pasti memudahkan urusan kita juga, *insya-Allah*. Jadi, sedikit sebanyak sumbangan yang diberikan juga dapat meringankan beban ditanggung,” jelas suami kepada selebriti popular **Neelofa**.

Sebelum ini, menerusi misi sama PU Riz dan pasukan menyerahkan sumbangan kepada

100 pemandu dan ‘rider’ penghantar makanan.

Sumbangan berupa barang keperluan asas harian seperti minyak masak, sardin, Milo, roti, susu manis dan sedikit wang tunai.

“Alhamdulillah, misi kali ini turut mendapat kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Pusat Perubatan KPJ Damansara dan Persatuan Orang Kurang Upaya serta penduduk PPR.

“Seperti yang saya selalu sampaikan, rezeki yang ada tidak salah jika kita kongsi bersama. Paling penting, menjadi tanggungjawab bersama untuk kita saling membantu.

*Insya-Allah,* kita akan cuba tolong selagi mana termampu,” jelasnya lagi.



PUTRA AMARIS

## Rumah Prihatin sangat luar biasa - Amaris

**PELAKON** Putra Amaris, 35, meluahkan rasa kagumnya terhadap usaha Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** kerana mencetuskan idea menubuhkan RumahPrihatin@GrandSeasons yang berkoncepkan hotel kebajikan.

Bagi Amaris, idea tersebut adalah salah satu tanda keprihatinan kerajaan dalam membantu rakyat mendepani cabaran pandemik COVID-19.

“Terima kasih kepada Tan Sri Annuar Musa dan pasukan

Rumah Prihatin kerana sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan yang terkesan dengan COVID-19.

“Sejujurnya saya kagum dengan usaha ini dan berasaskan Rumah Prihatin satu program yang luar biasa dan tiada di tempat lain.

“Hotel kebajikan ini menyediakan pelbagai khidmat dalam meringankan beban fizikal dan mental rakyat,” katanya yang sempat menyertai Sukarelawan Wilayah Prihatin (*PriVo*) mengagihkan makanan kepada para petugas di Pusat Pemberian Vaksin di PPR Perkasa, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Malah, baginya komponen-komponen di bawah Rumah Prihatin iaitu Khidmat Vaksinasi Prihatin, Food Bank Prihatin, Pusat Gerakan Jejak Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Dapur Prihatin dan Khidmat Kesihatan Mental Prihatin sangat membantu masyarakat secara keseluruhan.

Amaris yang pernah berkunjung ke Rumah Prihatin ini juga berharap pihak lain mencontohi usaha murni Kementerian Wilayah Persekutuan.

“Kita semua tahu, Rumah Prihatin mengutamakan kebajikan rakyat. Jadi, ia wajar

dicontohi oleh pihak-pihak lain.

“Dengan adanya hotel kebajikan ini, masyarakat berasaskan diri mereka tidak terabai sebaliknya terus diberikan perhatian,” ujarnya lagi.

Amaris juga tertarik dengan Pusat Gerakan Jejak Prihatin yang merupakan salah satu komponen bawah Rumah Prihatin.

Ujarnya, Pusat Gerakan Jejak Prihatin digerakkan oleh *PriVo* dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang turun padang, menjelak dan menyantuni rakyat di seluruh Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Mereka akan mengumpul maklumat aduan dan menyampaikan buah tangan daripada Tan Sri Annuar Musa kepada golongan yang memerlukan berdasarkan data yang diterima,” tambahnya lagi.

Sebelum ini Amaris juga terlibat dalam banyak kerja amal dengan kerjasama pelbagai pihak dalam membantu mengurangkan beban rakyat dengan slogan *Sama-Sama Kenyang*.

Pembaca boleh sentuh QR code untuk tonton video berkenaan



## COVID-19: ‘Insya-Allah akan ada jalan keluar’ - Fattah Amin

**DALAM** situasi pandemik COVID-19 yang mencabar ini, bintang popular **Fattah Amin**, 30, mahu mengajak masyarakat agar terus berdoa supaya semuanya kembali seperti sedia kala.

Melalui lagu terbaharunya berjudul *Hamba* ciptaan **Hafiz Hamidun** dan **Mel Ramli**, Fattah mengingatkan dirinya dan masyarakat bahawa menjadi tugas kita untuk terus berdoa dan bersujud kepada Allah supaya segala kesukaran yang dihadapi akan segera berakhir.

“Lagu ini sebenarnya termasuk dalam tiga projek khas yang saya jalankan bersama Hafiz Hamidun.

Projek pertama adalah lagu *Kiriman Agung* dan diikuti pula dengan *Sinar Selawat*.

“Seperti yang diketahui, dua lagu itu ada kaitan dengan kelahiran cahaya mata saya, **Nur Fatima Aisyah**. Bagaimanapun untuk lagu *Hamba* ini, ia tiada kaitan dengan anak saya. Sebaliknya ia berkisar kepada penyerahan jiwa seorang hamba kepada Tuhan.

“Walaupun berdepan dengan pelbagai ujian dan rintangan, kita jangan mudah putus asa. Sebagai hamba kita hanya mampu untuk berdoa dan Allah yang akan makbulkan permintaan kita itu. *Insya-Allah* akan ada jalan keluar untuk semua ini,” katanya.

Fattah menambah, kehadiran lagu ini juga adalah tepat pada masanya berdasarkan situasi yang dihadapi ketika ini.

“Saya tahu ramai yang tertekan dengan kehidupan mereka di luar sana sebab tak dapat nak keluar bekerja dan mengalami masalah kewangan.

“Berdasarkan semua ini, saya beranggapan lagu ini keluar tepat pada waktunya dan pendengar boleh kaitkan diri mereka dengan mesej yang hendak disampaikan,” kata suami kepada selebriti

terkenal, **Fazura**.

Berkongsi proses rakaman lagu itu, pemilik nama lengkap Abdul Fattah Mohd Amin ini memaklumkan lagu tersebut mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan iaitu setahun.

“Lagu ini mengambil masa selama setahun untuk disiapkan. Ini berlaku kerana proses rakamannya banyak kali tertangguh disebabkan situasi pandemik yang dihadapi.

“Selain itu, penghasilan lagu juga dibuat dengan cukup teliti. Kalau saya dapat ada bahagian yang tidak berapa berkenan di hati, saya akan minta dibuat penambahbaikan.

“Bila saya betul-betul berpuas hati dengan hasilnya, barulah saya bersedia untuk melancarkan lagu itu. Lambat pun tak mengapa asalkan hasilnya dapat memuaskan hati semua pihak,” ujarnya dalam nada teruja.

Tidak seperti lagu yang pernah dihasilkannya sebelum ini, untuk lagu *Hamba*, Fattah turut berkolaborasi dengan penyanyi rap, **Kmy Kmo**.



# RUMAH PRIHOTIN @ GRAND SEASONS

Kuala Lumpur



Menyediakan makanan percuma untuk golongan fakir miskin, gelandangan, petugas barisan hadapan, musafir dan mereka yang tidak berkemampuan.

011-7074 2927



Sumbangan makanan kering kepada golongan rentan bandar yang memerlukan melalui MPPWP dan sukarelawan.

Sumbangan daripada badan korporat, NGO dan lain-lain untuk tujuan ini amat dialu-alukan.

011-7110 7898



300 bilik penginapan tersedia bagi golongan musafir, petugas barisan hadapan, atau mana-mana pihak yang memerlukan tempat penginapan sementara.

Bilik penginapan mampu bayar bermula dari RM30/malam.

011-7073 6458



- One Stop Centre -  
Menerima makluman berkenaan golongan miskin bandar agar sukarelawan PriVo, MPPWP dan NGO turun ke padang untuk menyantuni kumpulan sasar tersebut agar bantuan yang diperlukan dapat dikenalpasti dan dibantu sewajarnya.

011-7073 8633



Khidmat kaunseling secara outpatient kepada individu, keluarga, atau kelompok yang memerlukan sokongan emosi.

Dilaksanakan dengan penuh kerahsiaan oleh kaunselor dan doktor bertauliah.

011-7073 8412



Golongan kurang upaya, warga emas, golongan rentan, peniaga, penjaja dan gelandangan yang belum mendapat temujanji suntikan vaksin di mana-mana PPV.

011-7074 2318

#RumahPrihatin

# Lima resipi kreatif pikat selera anak



SABRINA SABRE

**P**ARA ibu tetap akan meluangkan masa untuk memasak sajian kegemaran yang sihat buat suami dan anak-anak tersayang walaupun sehari sibuk bekerja. Pasti ada anak-anak yang selalu bertanya, mak boleh ke masak sajian berbeza, tapi masih

rasa sedap macam sajian di restoran?

Masakan terutamanya sajian sayuran akan jadi lebih lazat, mudah dan cepat dengan adanya *Rasa Sifu*, penambah rasa semua dalam satu dengan bahan perasa lengkap "all in one".

*Wilayahku* edisi kali ini kongsikan lima resipi sayur yang mudah dengan menggunakan *Rasa Sifu*. Tak perlu pening lagi fikir menu. Semua resipi ini pastinya memikat selera. WK



## Sayur Campur Rasa Sifu

### BAHAN-BAHAN

1 1/2 sudu besar minyak masak  
2 biji bawang merah dihiris tebal  
2 ulas bawang putih dihiris nipis  
80 gram udang dibersihkan  
80 gram lobak merah dihiris serong  
80 gram jagung muda dihiris serong  
80 gram kubis bunga  
180 gram brokoli

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Panaskan minyak masak, tumiskan bawang merah dan bawang putih sehingga naik bau.
- 2) Masukkan udang dan kacau goreng seketika.
- 3) Masukkan lobak merah dan jagung muda. Kacau goreng sehingga separuh masak.
- 4) Masukkan kubis bunga, brokoli dan air. Kacau goreng sebentar.
- 5) Perasakan dengan *Rasa Sifu* dan kacau rata.
- 6) Sedia untuk dihidang.

### BAHAN-BAHAN

2 sudu besar minyak masak  
1 biji bawang merah dihiris  
2 ulas bawang putih dihiris  
100 gram lobak merah dihiris  
1/4 cawan air  
200 gram cendawan tiram  
2 tangkai daun sup dipotong  
1/2 sudu besar *Rasa Sifu*

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Panaskan minyak masak, tumiskan bawang merah dan bawang putih sehingga keemasan.
- 2) Masukkan lobak merah, kacau sehingga separuh masak.
- 3) Masukkan air dan kacau sebentar.
- 4) Masukkan cendawan tiram dan kacau sehingga lembut.
- 5) Perasakan dengan *Rasa Sifu*. Kacau goreng sehingga sebati.
- 6) Masukkan daun sup dan kacau seketika sebelum tutup api.

## Cendawan Tumis dan Sup



## Bendi Tumis Cili



### BAHAN A

3 sudu besar minyak masak  
15 biji bendi dipotong serong  
1/2 cawan air  
1 sudu besar *Rasa Sifu*

### BAHAN B

2 biji bawang merah

5 ulas bawang putih  
5 biji cili merah

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Panaskan minyak masak, tumis bahan B sehingga naik bau.
- 2) Masukkan bendi dan air. Kacau sebati.
- 3) Perasakan dengan *Rasa Sifu* dan kacau sekata.
- 4) Sedia untuk dihidang.

### BAHAN A

1/2 biji tomato dipotong dadu  
150 gram bayam dipotong  
1 1/2 inci lobak merah dipotong dadu  
1/2 biji bawang Holland dipotong dadu  
2 ulas bawang putih dicincang  
1 1/2 sudu kecil *Rasa Sifu*

tumiskan bawang Holland dan bawang putih sehingga naik bau.

2) Masukkan lobak merah, kacau sehingga separuh masak.

3) Masukkan bayam, kacau sehingga bayam lembut.

4) Perasakan dengan *Rasa Sifu* dan ketepikan.

5) Masukkan banchuan telur, goreng sehingga sedua-dua belah telur masak.

6) Letakkan sayuran tumis tadi di atas telur dan bungkus mengikut lipatan kesukaan anda.

7) Ulang langkah-langkah di atas sehingga banchuan telur habis.

### BAHAN B

5 biji telur  
4 sudu besar susu segar  
1 1/2 sudu kecil *Rasa Sifu*

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Panaskan minyak,

## Omelette Lipat



### BAHAN-BAHAN

2 sudu besar minyak masak  
1 keping tauhu putih dipotong  
3 biji bawang merah dihiris  
2 ulas bawang putih dihiris  
1 biji cili merah dihiris  
350 gram kacang panjang dipotong  
1/4 cawan air  
2 sudu kecil *Rasa Sifu*  
2 biji telur

Ketepikan.  
2) Dengan

menggunakan minyak yang sama, tumis bawang merah, bawang putih dan cili merah sehingga wangi.

3) Masukkan kacang panjang dan kacau sebati.

4) Masukkan air dan kacau seketika.

5) Perasakan dengan *Rasa Sifu*.

6) Masukkan telur dan kacau goreng sehingga telur masak.

7) Masukkan tauhu goreng dan kacau sebati.

8) Sedia untuk dihidang.

## Tahu dan Kacang Panjang Tumis Telur

### BAHAN-BAHAN

2 sudu besar minyak masak  
1 keping tauhu putih goreng  
1/2 cawan air  
2 sudu kecil *Rasa Sifu*  
2 biji telur

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Panaskan minyak masak, goreng tauhu sehingga garing.



# Jom layan empat filem ini sempena Olimpik



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

**S**ALAM sukan buat semua pembaca *Wilayahku*. Bulan ini pastinya kita sedang merasai kehangatan Olimpik Tokyo yang bermula pada 23 Julai lalu. Malaysia turut tidak ketinggalan mengambil bahagian dengan menghantar wakil dalam beberapa acara di sana.

Umum mengetahui sukan mampu menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia.

Lihat sahajalah sewaktu perlawanan Lee Chong Wei



## Suatu Ketika - Langitkan Impianmu

Pengarah: Prakash Murugiah  
Pelakon: Namron, Pekin Ibrahim

**BERLATARKAN** era sebelum merdeka tahun 1952, *Suatu Ketika* mengisahkan semangat juang 12 orang kanak-kanak sekolah kampung menentang pelajar sekolah British dalam pertandingan bola sepak.


Biar pun mempunyai masalah kesihatan, perkara itu tidak menghalang impian seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang mencuba sedaya upaya untuk menubuhkan sebuah pasukan bola sepak bersama seorang tukang kebun dan guru.

Mereka perlu bersaing dengan pasukan dari sekolah berprestij British, St James, untuk layak ke perlawanan "JG Davidson Cup". Pelbagai kejadian menarik berlaku dimana ia pasti akan membuat anda terpaku untuk menyaksikan perjalanan kumpulan bola sepak dari Sekolah Ujong Pasir sewaktu bersaing untuk menjadi sekolah melayu pertama layak ke pertandingan akhir kejohanan ini.

Naskah hebat ini juga berjaya membangkitkan sikap patriotik dengan memaparkan ketuanan British yang berada di Tanah Melayu pada zaman sebelum merdeka dan bagaimana maruah kita direndah-rendahkan di negara kita sendiri.

Filem ini juga mengetahuan perpaduan apabila 12 orang kanak-kanak yang terdiri daripada pelbagai kaum berjuang demi memperoleh kemenangan.

Turut mempunyai elemen kekeluargaan, nilai persahabatan, kecintaan kepada keamanan dan perpaduan serta paling penting keyakinan terhadap diri sendiri yang digarap dengan baik menjadikan filem Melayu ini antara yang cemerlang dari sudut isi, gaya dan cara penyampaianya.



Pengarah: Clint Eastwood  
Pelakon: Morgan Freeman, Matt



## Dangal

Pengarah: Nitesh Tiwari  
Pelakon: Aamir Khan, Fatima Sana Shaikh, Sanya Malhotra

**DIANGKAT** berdasarkan kisah seorang ahli gusti profesional dari India, Mahavir Singh Phogat.

Filem yang penuh dengan pengajaran, isu keluarga dan semangat juang yang tinggi ini mengisahkan kisah Mahavir Singh Phogat (**Aamir Khan**) seorang ahli gusti yang pernah memenangi pingat perak. Beliau telah berjanji dan nekad

## Damon

**INVICTUS** adalah sebuah filem berdasarkan peristiwa sebenar di Afrika Selatan sebelum dan semasa Piala Dunia Rugby 1995, yang diadakan di negara itu setelah *apartheid*.

Nelson Mandela, seorang presiden yang dilantik, berjanji akan menjadikan Afrika Selatan sebagai sebuah negara yang baru tanpa perpecahan kaum. Meskipun rejim *apartheid* sudah tamat, namun benih perpecahan antara orang kulit hitam dan orang kulit putih di Afrika Selatan masih wujud. Dia percaya bahawa sukan adalah cara untuk menyatukan semua orang Afrika Selatan.


Mandela kemudian mengajak orang Afrika Selatan berkulit hitam untuk bergabung dalam menyokong

pasukan rugby *Springbooks*, yang dibenci oleh orang kulit hitam Afrika Selatan.

Mandela berharap dengan sokongan penuh dari semua orang Afrika Selatan, *Springbooks* berpeluang untuk mengalahkan pasukan kegemaran New Zealand dalam Piala Dunia Rugby yang dijadualkan diadakan di Afrika Selatan tidak lama lagi.

Dan hasilnya, pasukan *Springbooks* yang dipimpin oleh Francois Pienaar (**Matt Damon**) berjaya mengalahkan pasukan New Zealand 15-12 pada pusingan akhir dan membawa pasukan dengan seragam hijau untuk menjadi juara.

Ramai yang berpendapat bahawa acara sukan ini adalah langkah terbesar dalam menyatukan orang kulit hitam dan putih di Afrika Selatan.



untuk dapatkan pingat emas dengan melatih gusti kepada anak lelaki.

Namun, ianya tidak menjadi kenyataan apabila mereka dikurniakan empat orang anak perempuan.

Mahavir tidak berputus asa apabila dia menyedari anak perempuannya turut mempunyai bakat dalam bergusti dan terus membuat keputusan untuk melatih anaknya, Geeta dan Babita.

Pada awal pembabitan Geeta dan Babita mendapat bantahan dan

tolahan daripada masyarakat tetapi Mahavir membuktikan bahawa pendapat mereka adalah tidak benar.

Atas usaha Mahavir yang gigih, Geeta dan Babita telah berjaya mewakili India dalam arena gusti ke peringkat antarabangsa dan Geeta menjadi wanita India yang pertama memenangi pingat emas, manakala kakaknya meraih medal perak di kejarian tinju Komanwel.

Kisah kejayaan mereka telah dicatat pada acara Komanwel tahun 2010.



Pengarah: Dante Lam  
Pelakon: Eddie Peng, Choi Si-Won, Shaw Dou

**BAGI** penggemar sukan berbasikal, filem *To the Fore* antara filem yang wajib ditonton.

Mengisahkan tiga penunggang basikal lumba, Jiwon (**Choi Si-won**), Ming (**Eddie Peng**) dan Tian (**Shawn Dou**) dalam pasukan lumba basikal Radian.

Jiwon seorang atlet yang unggul dengan sikap dan tindakan yang matang manakala Ming adalah atlet baru yang sangat bertenaga dan Tian juga tidak kurang hebatnya, mempunyai stamina yang tinggi

tetapi tenaganya tidak sekuat Jiwon dan Ming.

Di bawah kepimpinan jurulatih Radian, mereka bertiga menjadikan pasukan Radian pasukan unggul yang mampu menyaingi pasukan terkuat, Phantom.

Namun, di kemuncak kegemilangan Radian, penaja utama mereka menarik diri. Jiwon, Tian dan Ming kemudian ditawarkan untuk bergabung dengan pasukan berbasikal yang lain, menjadikan mereka bertiga saling bersaing dalam posisi yang sama iaitu Sprinter!

Cabarannya demikian terpaksa dihadapi mereka dalam mengejar kemenangan sehingga berlakunya

satu konflik yang akhirnya menyatukan mereka bertiga kembali sebagai satu pasukan.

Filem ini mempunyai implikasi yang kuat untuk membuat penonton jatuh cinta dengan berbasikal dan membuat penggemar basikal kembali bersemangat.

Menyeronokkan, mendebarkan, penuh strategi, dan bergaya menjadikan filem ini sangat menarik.

Walaupun dikuasai oleh drama kehidupan penunggang basikal di bawah tekanan persaingan yang melampau, *To The Fore* turut mempunyai unsur komedi serta kisah romantis yang mencetuskan cinta segi tiga antara Ming dan Tian.

# Pengorbanan frontliners dihargai



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**ENGORBANAN petugas baris hadapan yang sentiasa komited dalam memerangi penularan wabak COVID-19 khususnya di Labuan harus dihargai oleh semua pihak, kata Pengerusi Perbadanan Labuan Datuk Seri Amir Hussien.

Beliau berkata, kita perlu menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan yang telah berkorban masa dan tenaga dalam memastikan penularan jangkitan COVID-19 dapat dikawal.

"Pengorbanan dan komitmen yang tinggi para petugas barisan hadapan dalam mengekang penularan jangkitan COVID-19 di Wilayah Persekutuan Labuan wajar dihargai oleh semua pihak," katanya.

Jelas Amir lagi, kerjasama dari masyarakat setempat juga me-



**SIMBOLIK** penyerahan kit makanan yang disampaikan oleh Hjh Rokiah Hj Ismail Wakil MarryBrown Labuan kepada Datuk Seri Amir Hussien Pengerusi Perbadanan Labuan.

mainkan peranan penting dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan penularan wabak itu dapat dikekang daripada terus merebak didalam komuniti.

"Warga Labuan secara keseluruhan telah memberikan kerjasama dengan mematuhi SOP

dalam menjayakan sasaran kerajaan untuk menstabilkan kes COVID-19 di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Saya ucapkan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga Labuan kerana bersama-sama berjuang mengekang penularan pandemik COVID-19.

"Dengan adanya semangat



**WAKIL** Angkatan Pertahanan Awam Labuan menerima kit makanan daripada MarryBrown Labuan.

sebegini, kita mampu menangani pelbagai cabaran dan rintangan bersama-sama dalam memastikan Labuan menuju ke arah sebuah pulau bebas dari wabak itu," katanya lagi.

Terdahulu, Datuk Seri Amir Hussien dengan kerjasama Syarikat MarryBrown telah menyampaikan sumbangan kit makanan kepada hampir 500 petugas barisan hada-

pan di Labuan.

Simbolik penyerahan itu diadakan di Bangunan Menara PL pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Labuan Rithuan Mohd Ismail, Pengarah Jabatan Kesihatan W.P Labuan Dr Ismuni Bohari, Wakil MarryBrown Labuan Rokiah Ismail. **WK**

## PEKDIS laksana ibadah korban mengikut SOP yang ketat

**PERTUBUHAN** Kebajikan Dakwah Islamiah (PEKDIS) Cawangan Labuan telah menjanjurkan korban berkelompok di kawasan Perkarangan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) baru-baru ini.

Program Korban Berkelompok merupakan inisiatif PEKDIS dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) untuk mendekati masyarakat, memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga pendidikan selain dapat meraikan golongan kurang berkemampuan dan wajar diberi perhatian.

Penyelaras Program Korban PEKDIS Ustaz Haji Sahrum Samlan berkata, bagi memastikan kelancaran program pihak urus setia sentiasa menitik beratkan garis panduan prosedur operasi standard (SOP) ibadah korban sebagaimana yang disarankan kerajaan bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

"Alhamdulillah, kita berjaya menyelesaikan kerja-kerja menimbang, memotong, membungkus dengan cepat biarpun hanya melibatkan 12 orang petugas. Proses agihan kepada 50 orang asnaf dalam kalangan murid-murid sekolah sekitar wilayah Persekutuan Labuan



**PETUGAS** korban bergotong-royong menguruskan proses menimbang, memotong dan membungkus daging korban.

berjalan lancar. Begitu juga agihan yang dilakukan oleh peserta korban sendiri untuk saudara mara dan jiran terdekat," katanya.

Sementara itu, Pengurus PEKDIS Cawangan Labuan Kamariah Salim berkata, pihaknya telah mendapat kebenaran untuk melaksanakan ibadah korban berkelompok daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (JAWI), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan pihak berkuala tempatan.

"Sebagai manifestasi ubudiah kepada Allah s.w.t., PEKDIS Labuan telah merancang untuk mengadakan program korban ini sejak bulan Januari yang lalu

dan pada hari ini ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"A l h a m d u l i l l a h , Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) telah membenarkan pelaksanaan program ibadah korban di Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2021 dengan SOP yang ketat serta pemantauan yang dilakukan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Turut hadir di dalam program itu, Pengarah MAQIS Labuan Nazrul Azman Mat Rahim, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Hj Abdul Rahman Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Kamariah Salim. **WK**



**FADZLI** (tengah) menyampaikan cek simbolik penyerahan bot baharu yang bernilai RM9,250 kepada Salihin (hujung kanan) di Jati Sungai Kinabenua di sini, pada Sabtu lalu.

## Nasib nelayan terbela, MAIWP serah bot baharu

**NASIB** seorang nelayan di Kampung Bebuloh disini akhirnya terbela apabila menerima sebuah bot baharu daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan, baru-baru ini.

**Mohd Salihin Awang Damit**, 37, berkata sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac tahun lalu, botnya telah musnah akibat ribut dan mengalami kerosakan teruk.

Katanya, semenjak peristiwa itu setiap hari beliau hanya menggunakan bot saudaranya untuk menjalani kerja-kerja sehariannya menangkap ikan bagi menampung perbelanjaan keluarganya.

Bapa kepada enam orang anak itu bersyukur atas bantuan bot baharu yang dihulurkan oleh pihak MAIWP dan kini beliau mampu menarik nafas lega kerana memiliki bot sendiri.

"Terima kasih kepada MAIWP,

pembayar zakat kerana membantu saya memiliki bot ini dan kini saya bersyukur kerana telah memiliki bot sendiri serta ia membantu lagi untuk saya mempertingkatkan lagi hasil pendapatan," katanya kepada pemberita.

Sementara itu, Pengurus MAIWP Labuan Ustaz Md Fadzli Md Saad berkata, pihaknya telah menyerahkan sebuah bot kepada Mohd Salihin jenis fiber berkualiti tinggi bernilai RM9,250 melalui Skim Bantuan Perikanan Nelayan.

"Kita berharap dengan adanya bantuan bot baharu ini, beliau dapat kembali ke laut untuk mencari rezeki dan dapat mempertingkatkan taraf ekonomi keluarga beliau," katanya.

Sesi simbolik penyerahan disampaikan oleh Md Fadzli kepada Mohd Salihin di jati Sungai Kinabenua di sini, pada Sabtu lalu. **WK**

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# Pelbagai pihak berpadu bantu warga memerlukan

SYAHIDI BAKAR

**MENYEDARI** kesukaran hidup yang didepani oleh rakyat terutama golongan berpendapatan rendah (B40), berikutan penularan pandemik COVID-19, pelbagai pihak yang berkemampuan bersilih ganti tampil menghulur bantuan.

Usaha murni melalui agihan bantuan tunai atau sumbangan barang keperluan harian dan lain-lain adalah sebahagian sikap prihatin ditunjuk warga masyarakat untuk bersama membantu golongan yang serba kekurangan.

Menurut Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Intan Baiduri, **Khairul Anuar Yusoff**, fenomena penularan COVID-19 telah menjadikan segenap lapisan rakyat, terutamanya penduduk B40, telah menggigit simpati sebuah NGO apabila tampil menghulur sumbangan barang keperluan.

Katanya, sumbangan lebih 130 pek barang dapur setiap satu bernilai kira-kira RM100 oleh individu hanya dikenali sebagai Dr. Zyro Wong itu amatlah dihargai para penerima yang rata-ratanya sedang memerlukan



**KHAIRUL Anuar menunjukkan fasa penyerahan barang sumbangan kepada penduduk PPR Indah Baiduri, Selayang.**

bekalan makanan.

"Jadi dengan kehadiran badan NGO itu memberi sumbangan kepada kalangan penduduk di PPR Intan Baiduri yang terputus bekalan, ia umpama rezeki yang dinantikan oleh penerima," katanya ketika dihubungi oleh *Wilayahku*, baru-baru ini.

Barang sumbangan yang disampaikan oleh wakil

penderma itu telah diterima Persatuan Penduduk sambil proses pengagihannya dipantau rapi oleh sepasukan anggota polis dari Balai Polis Jinjang dan Sentul bagi memastikan aspek pematuhan SOP diikuti oleh semua yang terlibat.

Menurut Khairul Anuar, urusan serahan bantuan kepada penduduk yang layak dikawal



**SALAH** seorang anggota Polis memantau proses serahan sumbangan kepada salah seorang penerima.

selia oleh Pengurus Persatuan Penduduk dan AJK terlibat diagihkan kepada enam blok perumahan di mana setiap satu blok menerima 30 beg barang.

"Antara barang diberi ialah beras, telur, kopi gula, susu, minyak masak, biskut dan lain-lain lagi yang dianggarkan nilainya hampir RM100.

"Jadi pada kesempatan

ini, kami ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada penyumbang di atas keprihatinan terhadap nasib warga memerlukan.

"Tidak dilupakan barisan anggota Polis yang juga telah melaksana tugas masing-masing dengan baik bagi memastikan kelancaran proses agihan yang berlangsung," jelasnya. **WK**

# Prolintas sumbang 150 pek barang dapur untuk warga memerlukan

**SEJUMLAH** 150 pek barang keperluan dapur disumbang oleh Prolintas Group of Companies untuk diagih kepada penduduk B40 di Bandar Tun Razak yang memerlukan.

Ahli Parlimennya, **Datuk Kamarudin Jaffar** ketika ditemui media berkata, barang keperluan harian dianggar bernilai RM80, disumbangkan syarikat pemegang konsesi Lebuhraya SUKE itu, sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Prolintas katanya, telah tampil membantu warga setempat yang memerlukan khususnya golongan B40 yang terkesan akibat penularan COVID-19.

"Saya ingin ucapkan berbanyak terima kasih atas sumbangan diberikan oleh Prolintas ini atas rasa tanggungjawab dan keprihatinan mereka kepada penduduk di sini."

"Jadi, adanya sumbangan seperti beras, minyak masak, kicap, sardin, gula dan lain-lain termasuk pelitup muka itu dapat dimanfaat oleh penerima."

"Kita juga sentiasa terbuka menerima apa sahaja bentuk sumbangan daripada semua pihak ingin membantu masyarakat dalam mendepani wabak pandemik ketika ini," katanya selepas menerima 150 pek makanan sumbangan Prolintas



**KAMARUDIN Jaffar** (dua dari kanan) menerima sumbangan barang keperluan dapur disampaikan oleh wakil Prolintas, Dr Zarulazam, baru-baru ini.

Group Of Companies, di Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, di sini.

Kamarudin juga Timbalan Menteri Luar menerima sumbangan disampaikan oleh wakil Prolintas, Dr. Zarulazam Eusofe iaitu Timbalan Pengurus Besar Lebuhraya Bertingkat SUKE.

Sementara itu, bagi Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPP) Subzon 5, Bandar Tun Razak, **Farouk Mohd Noor**, barang diterima akan diagih kepada penduduk setempat yang telah dikenal pasti dan memerlukan.

"Sumbangan sama ada daripada

korporat, swasta mahupun individu akan menjadi pelengkap bagi inisiatif sumbangan disalurkan kerajaan seperti Bakul Makanan selain bantuan beras @Wilayah Prihatin," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, MPPWP Sub Zon 5 turut menerima sumbangan 1,500 botol cecair pembasmi kuman yang telah disumbangkan oleh syarikat Eifarna Empire yang diwakili oleh Pengarah Urusannya, Liana Esa.

Menurut Farouk, semua sanitizers yang diterima akan disumbang kepada penerima



**FAROUK Mohd Noor** ketika menerima 1,500 botol hand sanitizers disumbangkan oleh Eifarna Empire yang disampaikan oleh Liana Esa.

vaksin yang berdaftar melalui MPPWP Sub Zon 5, Bandar Tun Razak bagi program PPV di Desa Tun Razak yang akan diadakan bermula 29 hingga 31 Julai ini.

"Saya bagi pihak MPPWP Sub Zon 5 menzahirkan berbanyak terima kasih kepada Puan Liana Esa dan syarikat Eifarna Empire atas sumbangan dan kerjasama yang diberikan untuk komuniti. Semua usaha yang dilakukan adalah bertujuan menjaga kebijakan penduduk dan bersama mengamalkan SOP yang telah ditetapkan," katanya. **WK**



**Soalan**

**A**SSALAMUALAIKUM, saya ada satu persoalan. Boleh tak saya bayar semula duit yang pernah dicuri suatu ketika dahulu dengan cara membayar sedekah kepada fakir miskin dengan niat pahala tersebut diberikan kepada pemilik duit yang saya curi dulu?

Alasannya, saya terlalu malu untuk berjumpa pemilik asal tersebut dan tak diketahui di mana dia berada dan tak pasti namanya. Mohon penjelasan, terima kasih.

**Jawapan**

Waalaikumussalam wbt. Kami mulakan perbahasan terlebih dahulu dengan firman Allah SWT;

"Wahai orang-orang yang beriman, makanlah daripada benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu..."

**Surah al-Baqarah (172)**

Ayat tersebut merupakan suruhan Allah SWT kepada hamba-Nya untuk mencari rezeki daripada sumber yang terbaik lagi halal.

Tuntutan supaya berwaspada dan berhati-hati dalam mencari rezeki adalah amat penting kerana ia akan menjadi darah daging manusia itu sendiri nanti.

Seterusnya, perbuatan mencuri merupakan maksiat yang dikategorikan sebagai dosa besar dalam agama Islam.

Hukuman bagi pelakunya tidak sekadar dijanjikan di akhirat, bahkan juga di dunia kerana mencuri merupakan perbuatan yang zalim. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran,

"Lelaki dan perempuan yang mencuri, potonglah kedua-dua tangannya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai sekaian daripada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

**Surah al-Maidah (38)**

Nabi Muhammad SAW bersabda dalam sebuah hadis: "Wahai manusia,

# Hukum bertaubat daripada mencuri dengan cara bersedekah



**WAJIB bagi seorang pencuri memulangkan duit yang dicurinya kepada pemilik asal.**

Sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima kecuali yang baik. Dan sesungguhnya Allah memerintahkan orang beriman sebagaimana dia memerintahkan para rasul-Nya dengan firman-Nya:

"Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan."

Dan Dia berfirman: Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya."

Kemudian Baginda menyebutkan ada seseorang yang bermusafir perjalanan jauh di mana keadaan kusut dan berdebu.

Dia mengangkatkan kedua tangannya ke langit seraya berkata: Ya Tuhanmu, Ya Tuhanmu, padahal makanannya haram,

minumannya haram, pakaiannya haram dan keperluannya dipenuhi dari sesuatu yang haram, maka bagaimana doanya akan dikabulkan?"

**Riwayat Muslim (1015)**

Amanat dan pesanan yang disampaikan baginda memberi isyarat kepada kaum Muslimin agar sentiasa mencari sumber yang halal di samping memberikan ancaman terhadap mereka yang beroleh rezeki daripada sumber yang haram, kelak doanya tidak akan dimakbulkan oleh Allah selagi tidak bertaubat.

Imam al-Nawawi rahimahullah menyebut dalam kitabnya: "Para ulama berkata, bertaubat dari setiap dosa hukumnya adalah wajib. Jika maksiat (dosa) itu antara seorang hamba dengan Allah SWT, maka terdapat tiga syarat padanya:

Menjauhi dan meninggalkan maksiat.

Menyesal.

Berazam untuk tidak mengulangi perbuatan maksiat itu

selama-lamanya.

Namun, sekiranya dosa itu berkaitan dengan hak manusia yang lain, maka terdapat penambahan syarat daripada di atas iaitu:

Jika berbentuk harta benda atau sejenisnya maka dia harus mengembalikannya semula kepada pemilik asal.

Jika dalam bentuk tuduhan palsu ataupun seumpamanya, maka hendaklah dipulihkan namanya atau meminta maaf kepadanya. Jika ia berbentuk ghibah, maka harus minta dihalalkan.

**(Riyadhu al-Salihih, hlm. 41-42)**

Dalam konteks dosa mencuri, wajib ke atas seseorang itu memulangkan semula duit yang dicuri kepada pemilik asalnya.

Sekiranya duit tersebut terus diberikan kepada fakir miskin tanpa dimaklumkan kepada pemilik asal, maka kami berpendapat bahawa proses taubat tersebut masih belum terlaksana secara sempurna kerana tidak mendapat keizinan daripada pemilik asal.

Tambahan pula, seseorang tidak dibenarkan mendermakan harta milik orang lain tanpa izin pemilik asal.

Lantaran itu, sedekah tersebut bertukar menjadi sedekah biasa sedangkan beban dosa yang dipikul masih tidak terlepas.

Walaupun begitu, sekiranya pemilik asal tidak diketahui nama dan kedudukannya, para ulama memberikan beberapa penyelesaian.

Pandangan ini disebutkan oleh Imam al-Nawawi Rahimahullah tatkala beliau membawakan fatwa Imam al-Ghazali Rhm. dalam kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab (9/351):

"Sekiranya seseorang memiliki suatu harta haram dan dia ingin

bertaubat dan melepaskan diri daripada harta haram itu, maka jika harta itu mempunyai pemilik yang tertentu, hendaklah dipulangkan kepadanya atau kepada wakilnya.

Jika dia sudah mati, wajib diserahkan kepada warisnya.

Jika tidak diketahui siapa warisnya dan sudah berputus asa daripada mencarinya, maka wajib menyalurkan harta tersebut untuk keperluan umat Islam yang bersifat umum, seperti jambatan, ribat-ribat (kandang kuda, tempat pengajian, atau tempat golongan Sufi berkumpul), masjid-masjid, dan keperluan jalan raya Makkah, dan seumpamanya daripada segi boleh dikongsi bersama orang Islam..."

Kesimpulannya, setiap umat Islam wajib bertaubat daripada segala dosa maksiat tidak kira dosa besar maupun dosa kecil.

Proses bertaubat itu pula perlu mencukupi syarat-syaratnya agar diterima oleh Allah kerana kesalahan yang melibatkan hak Allah tidak sama dengan kesalahan yang melibatkan hak sesama manusia.

Selain itu, dalam kesalahan yang melibatkan hak manusia yang lain, maka wajib memaklumkan kesalahan tersebut kepada pemilik asal.

Sekiranya berasa malu untuk berhadapan, boleh menggunakan saluran lain seperti perantara melalui Facebook, Whatsapp dan lain-lain.

Namun, sekiranya pemilik asal itu tidak dapat dikesan, maka boleh disalurkan duit tersebut kepada fakir miskin agar manfaatnya boleh dinikmati secara meluas.

Semoga Allah menerima taubat hambanya yang tulus bertaubat dan mudahkan urusan kita semua di dunia dan akhirat.

*Wallahu a'lam.*

## Agih sumbangan infaq rezeki: PPIM santuni pemandu teksi KLIA

**PERSATUAN** Pengguna Islam Malaysia (PPIM) telah berkolaborasi bersama beberapa organisasi dalam Agihan Sumbangan Infaq Rezeki bagi menyantuni pemandu teksi Kuala Lumpur International Airport (KLIA) pada Sabtu lalu.

Menurut kenyataan PPIM, menyedari ramai yang terkesan akibat pandemik ini, PPIM di bawah seliaan Unit Kebajikan PPIM (UKPPIM), PERKESO, KINGZ Motorcycle Group, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWIP), Angkatan

Pertahanan Malaysia (APM), Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd dan Gabungan Teksi SeMalaysia (GTSM) berkolaborasi memberikan sumbangan bagi meringankan ujian mereka yang terkesan.

"Sebanyak 200 penerima manfaat INFAQ REZEKI Bernilai RM16,000 yang terkesan pandemik COVID-19.

"Agihan ini turut melibatkan jalinan kerjasama dan tajaan beberapa organisasi seperti sumbang.com (Gerbang Sumbangan Sdn Bhd), Yayasan PATRIOT Negara Malaysia (YPNM), Icon Production Sdn Bhd

dan SATRIA Intelligence Agency Sdn Bhd," jelas kenyataan tersebut.

Pengerusi PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata sumbangan tersebut diberikan berdasarkan maklum balas yang diterima dari penyelaras dan turut melibatkan beberapa organisasi, penaja dan penyumbang berganding bahu bagi menyalurkan bantuan.

"Berdasarkan maklum balas yang kami terima dari penyelaras, pemandu teksi juga merupakan golongan yang tidak terkecuali berhadapan saat getir ini. Mereka sangat memerlukan sumbangan bantuan dengan kadar segera teru-

tama bagi mereka yang merupakan golongan asnaf dan B40.

"Kami dengan ini berusaha bersama-sama menguruskan untuk menghantar bantuan sumbangan dan beberapa keperluan pada tarikh yang dinyatakan di atas," jelasnya.

Manakala Ketua Operasi Unit Kebajikan PPIM, Siti Khadijah Hassan Berseri berkata tujuan menyantuni pemandu teksi adalah supaya mereka tidak berasa dipinggiran.

"Kami mahu pemandu teksi dan penerima manfaat yang disantuni merasakan ada yang masih peduli dan sayang kepada mereka. Bentuk

bantuan yang diberikan adalah berupa Barang Asas Keperluan Dapur," katanya.

Tambahnya lagi setakat ini sebanyak lebih 100 ribu penerima manfaat Infaq Rezeki telah disalurkan dan sentiasa membuka ruang kepada mereka yang ingin bersama-sama dalam Misi Bantuan Infaq Rezeki.

Dalam pada itu, PPIM turut berharap agar lebih ramai pihak yang akan terlibat dan jelasnya lagi dana bagi gerak kerja ini juga dikumpulkan melalui sumbangan orang ramai yang menggunakan platform atas talian iaitu sumbangan.com.

Sempena Sambutan Hari Pahlawan 31 Julai 2021

# Suburkan jiwa pahlawan kita



**Prof. Madya  
Dr. Khairi Ariffin**

**S**EJARAH membuktikan pahlawan tanah air kita yang telah bergembung tenaga berhadapan dengan ranjau perjuangan dengan keringat yang membasahi bumi telah menjadikan negara Malaysia bebas dan merdeka daripada belenggu penjajahan British, Jepun dan ancaman komunis.

Syabas diucapkan kepada pahlawan-pahlawan yang berkorban nyawa demi negara tercinta.

Jasa dan perjuangan pahlawan amat disanjung dan tidak dapat disamakan dengan nilai ringgit dan emas atas pengorbanan yang telah mereka curahkan.

Kita hari ini amat bertuah atas pengorbanan para pahlawan terdahulu telah berjaya membangunkan negara tercinta Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan makmur.

Atas peristiwa dan mengenang jasa pahlawan inilah maka tarikh setiap 31 Julai setiap tahun merupakan sambutan hari Pahlawan di Malaysia.

Kepada generasi muda kini, haruslah menghayati nilai dan semangat Hari pahlawan kerana ianya merupakan hari yang sangat bermakna dan perlu dihayati.

Tidak terungkap dengan kata-kata dan tidak ternilai atas jasa-jasa yang mereka telah perjuangkan.

Pada hakikatnya jasa dan pengorbanan pahlawan kita atas kejayaan silam telah menjadikan Malaysia sebagai satu realiti, sebagai negara yang dikagumi di persada antarabangsa.


Sambutan Hari Pahlawan pada setiap tahun bukanlah hanya terhad kepada majlis upacara rasmi penyambutan di Tugu Negara atau di Dataran Merdeka dan diikuti edaran surat derma hari pahlawan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian sahaja, sebaliknya Hari Pahlawan harus menjadi medium kepada pemangkin kebangkitan semua anggota masyarakat dalam berjuang terhadap anasir-anasir subversif dan bersama-sama membina jati diri membersihkan diri daripada idea dan pemikiran yang boleh merosakkan negara.

Kepada masyarakat dan institusi di negara ini, konsep dan istilah kepahlawanan harus diperluaskan kepada aspek-aspek lain yang menunjukkan negara ini boleh melawan dan menentang segala musibah yang melanda negara dalam apa bentuk yang perlu kita tangani bersama dengan menyebatikan diri bersama menyerap semangat kepahlawanan.

Justeru itu, apa yang kita hadapi pada hari ni dalam tempoh dua tahun sehingga sekarang tentang pandemik COVID-19 ini yang merupakan musuh utama negara sehingga negara berada dalam kebejatan ekonomi dan sosial.

Bermula saat ini, marilah kita bersama-sama menjadi seseorang yang bersemangat kepahlawanan.

Kita menjadikan aura dan semangat kepahlawanan sebagai



*KITA amat bertuah atas pengorbanan para pahlawan terdahulu telah berjaya membangunkan negara tercinta Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan makmur.*

satu dorongan dan inspirasi bagi diri kita menjadi berani dan lebih cekal untuk menjadikan diri kita berada dalam kedudukan dan prestasi yang amat tinggi bagi menyumbang sesuatu yang bermanfaat untuk kemajuan keluarga, agama, masyarakat dan negara.

Semangat Pahlawan perlu disebatikan dalam jiwa dan sanubari kita untuk selamanya.

Negara amat memerlukan rakyat yang berjiwa besar dan bersemangat kepahlawanan yang sanggup memikul sebarang tanggungjawab demi membina dan membangunkan masyarakat serta negara ke arah pencapaian kehidupan yang lebih cemerlang selamanya.

Keamanan, kesejahteraan, dan kemakmuran hidup dalam kalangan masyarakat di Malaysia sudah tentunya tidak harus

melupakan sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh golongan pahlawan pada era perjuangan para pahlawan dalam menghadapi ancaman komunis pada masa darurat 1948 sehingga 1960.

Atas dasar inilah yang mendorong pada 31 Julai 1960 secara rasminya kerajaan mengumumkan sebagai permulaan sambutan Hari Pahlawan di Malaysia untuk dirayakan dan disambut setiap tahun sehingga kini.

Walau bagaimanapun, menyambut perayaan Hari Pahlawan ini perlulah sesuai mengikut nilai agama Islam tanpa membawa konsep taksub sehingga ianya bertentangan dengan syarak Islam.

Pada peringkat awal majlis perlaksanaan sambutan perayaan Hari Pahlawan ada aktiviti yang

didapati tidak sesuai dengan dengan prinsip kerukunan agama rasmi negara dan wajarlah ianya ditiadakan.

Namun kita tetap terus melaksanakan majlis sambutan Hari Pahlawan dengan cara yang lebih wajar mengikut lunas-lunas agama Islam sebagai tanda menghargai jasa-jasa pahlawan silam.

Dalam konteks ini, pihak kerajaan boleh menjadikan juga tokoh-tokoh atau para pahlawan dalam sejarah perjuangan Islam sebagai suatu yang boleh dikesampingkan dalam menjadikan Hari Pahlawan sebagai suatu konsep yang lebih luas dan bermakna.

Jadi pada tahun ini 2021 adalah merupakan tahun yang perlu untuk menjadikan semua anggota rakyat Malaysia sebagai berjiwa pahlawan kerana musuh yang kita hadapi sekarang adalah musuh yang sangat berbahaya dan bukan sembarangan sebab virus COVID-19 ini telah menyebabkan kematian yang amat besar pada rakyat negara ini di samping menjadikan negara kita berhadapan dengan masalah ekonomi dan sosial yang membimbangkan.

Ayuh! bangun rakyat Malaysia, bangunlah dengan jiwa pahlawan sejati untuk menentang segala musuh yang mahu merosakkan kesejahteraan rakyat dan negara kita.

Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Beliau boleh dihubungi di khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my

## Semangat juang bertahan hadapi COVID-19

TATKALA sebilangan besar peniaga terpaksa “tunduk” kepada pandemik COVID-19, segelintir usahawan kecil di sini masih mampu bertahan selepas mengubah strategi perniagaan selain mempunyai semangat juang yang tinggi.

Seorang daripada mereka, **Siti Rafitah Rakhimi**, 37, yang mengusahakan trak makanan di Presint 14 Putrajaya, sedar beliau tidak boleh lagi bergantung pada kaedah itu semata-mata jika mahu pizza jenama sendiri yang dibangunkannya, Alla Piccola Italia (API), terus bertahan.

Justeru, seperti ribuan usahawan yang lain, beliau beralih kepada perniagaan dalam talian dengan pasaran bertumpu di sekitar daerah ini dan juga Cyberjaya.

“Sebelum COVID-19, saya beranggapan tapak berniaga sehar-

usnya mempunyai ramai pelanggan. Namun, pandangan itu berubah semasa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) apabila semua tempat mengalami kesan sama akibat daripada wabak tersebut,” katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Menurut Siti Rafitah, terdapat 14 peniaga trak makanan di Presint 14, namun kini hanya empat yang masih beroperasi termasuk beliau.

“Ada rakan peniaga kini terpaksa melakukan kerja lain termasuk menjadi pemandu e-hailing. Pada ketika ini, bukan lagi isu keuntungan yang diutamakan, sebaliknya memastikan perniagaan itu mampu bertahan,” katanya yang mengakui hampir “terduduk” apabila PKP 1.0 dilaksanakan.

“Bayangkan, perniagaan belum berusia setahun dan saya masih dalam usaha menaikkan jenama

API apabila tiba-tiba COVID-19 melanda,” katanya yang memulakan perniagaan itu dengan modal RM150,000 hasil bantuan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Menurutnya, semangat juang beliau bertambah kuat apabila mengenangkan nasib dua pekerja yang bersama-sama beliau sejak awal perniagaan.

Mengulas perniagaannya, Siti Rafitah berkata sebelum PKP, beliau mampu mencatat hasil jualan RM4,000 hingga RM5,000 seminggu, namun pelaksanaan sekatan pergerakan itu menyebabkan perniagaan merudum kepada sekitar RM1,000 hingga RM2,000 sahaja.

“Pandemik ini mengajar saya untuk menyesuaikan diri dengan keadaan tidak menentu. Kita harus sentiasa bersedia menghadapi apa jua keadaan walaupun du-



**SITI Rafitah Rakhimi, peniaga trak makanan Presint 14 Putrajaya bertahan hadapi keadaan tidak menentu berikutan COVID-19.**

lu mungkin produk kita mendapat sambutan,” tambahnya.

Beliau juga bersyukur dengan bantuan kewangan sebanyak RM3,000 secara sekali bayar

yang disediakan kerajaan menerusi Geran Khas Prihatin kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), yang sedikit-sebanyak telah meringankan beban kewangannya.

# Kebanyakan negeri dijangka beralih fasa 4 PPN seawal Oktober - Muhyiddin

**P**ERDANA Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan menjangkakan kebanyakan negeri akan dapat beralih ke Fasa Empat, iaitu fasa terakhir Pelan Pemulihan Negara (PPN) seawal Oktober ini.

Ketika memberi penerangan mengenai PPN pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada Isnin, Perdana Menteri berkata, ini berdasarkan usaha berterusan kerajaan untuk mengerakkan proses pemulihan dan program imunisasi yang kini sedang berjalan lancar.

Untuk itu, Perdana Menteri berkata, selain memantau secara rapi keadaan di setiap negeri dari semasa ke semasa dan mengambil langkah *intervensi* mengikut keperluan, kerajaan juga akan tetap melaksanakan penilaian risiko dari segi kesediaan negeri-negeri untuk beralih ke fasa seterusnya.

“Saya juga ingin jelaskan, kerajaan sudah memutuskan pada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara, bagi negeri yang sudah berada di fasa kedua, ia tidak akan kembali ke fasa pertama.

“Begitu juga dengan negeri yang beralih ke fasa ketiga, tidak akan patah balik ke fasa kedua.

“Ini kerana, pendekatan PPN menekankan dengan izin, *exit strategy and no turning back* (strategi keluar dan tidak berpatah balik),” katanya.

PPN yang diumum 15 Jun lalu, menggariskan empat fasa peralihan merangkumi perincian SOP untuk setiap fasa dengan peralihan fasa bagi sesebuah negeri akan dinilai dan dipertimbangkan berdasarkan tiga indikator nilai ambang iaitu purata bilangan kes harian, kadar penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU)



MUHYIDDIN memberi penerangan mengenai PPN pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada Isnin lepas.

dan peratusan rakyat dewasa yang lengkap divaksinasi.

Sekjak diumumkan, lapan negeri

sudah beralih ke Fasa Dua iaitu Perlis, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah

dan Sarawak.

Mengulas lanjut Muhyiddin berkata, sekiranya berlaku semula peningkatan kes di negeri-negeri ini, kerajaan akan mengetarkan kawalan pergerakan berdasarkan lokaliti tanpa perlu membuat perintah kawalan menyeluruh ke atas negeri atau wilayah seperti yang dilaksanakan kini.

“Bagaimanapun, manusia merancang, tetapi perancangan Allah jualah sebaik-baiknya,” katanya.

Menjelas lanjut, Perdana Menteri berkata peralihan fasa ke fasa ini membabitkan pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial secara beransur dan ia tidak mengikut jadual masa, sebaliknya berlandaskan pencapaian dalam mengurangkan tekanan kapasiti sistem kesihatan serta meningkatkan tahap perlindungan rakyat menerusi suntikan vaksin. **WK**

## Bersediakah rakyat hidup bersama virus endemik COVID-19

**BERMULA** di Wuhan, China pada Disember 2019, jangkitan COVID-19 kini menular hampir ke semua negara termasuk Malaysia, dan mendekati dua tahun, “serangan” virus ini tidak menunjukkan tanda-tanda akan reda dengan angka korban terkini melebihi empat juta orang di seluruh dunia.

Kemunculan varian baharu yang lebih agresif menyukarkan lagi usaha sistem kesihatan negara terjejas menangani pandemik itu, dan di sebalik penemuan vaksin, rekod di seluruh dunia menunjukkan mereka yang divaksinasi masih boleh dijangkiti COVID-19, cuma tanpa simptom yang teruk.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan dipersekutui majoriti pakar kesihatan, baru-baru ini menyatakan COVID-19 berkemungkinan besar menjadi endemik, iaitu kekal dan menjadi sebahagian daripada kehidupan harian kita sepetimana selesesa. Persoalannya, bersediakah kita untuk “hidup” bersama virus yang setakat semalam telah meragut 8,201 nyawa di negara ini?

Pakar Kesihatan Pekerjaan, Kecemasan dan Kesihatan Am Dr Hanafiah Bashirun memberitahu bahawa mahu tidak mahu perkara itu berkemungkinan besar menjadi hakikat yang perlu

diterima rakyat negara ini.

“Kita dapat hanya beberapa negara sahaja yang merekodkan kes sifar dalam tempoh dua minggu berturut-turut mutakhir ini, sekali gus membuktikan negara-negara di seluruh dunia akan menerima COVID-19 sebagai sebahagian kehidupan, sepetimana influenza (H1N1) yang tercetus pada 2009 dan kemudian menjadi endemik,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata apabila bertukar status kepada endemik, kes baharu tidak perlu lagi dimaklumkan kepada orang awam, namun rakyat perlu mengambil langkah berjaga-jaga secara berterusan termasuk mematuhi tiga prosedur operasi standard (SOP), iaitu penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan kerap membasuh tangan.

Paling utama, pastikan diri divaksinasi, katanya yang yakin vaksinasi dan pematuhan tiga SOP tersebut merupakan kunci kepada pembendungan virus itu.

Jelasnya, selepas menjadi endemik, individu yang mempunyai simptom ringan seperti selesesa akan dianggap sebagai selesesa biasa dan tidak lagi dirujuk ke hospital melainkan pesakit menunjukkan gejala lebih berat seperti sukar bernafas.

Menurutnya pesakit juga tidak lagi akan diasingkan sebaliknya dirawat seperti

jangkitan virus biasa.

Bagaimanapun katanya pengisytiharan COVID-19 sebagai endemik bergantung pada keputusan WHO yang akan membuat penelitian selepas suatu tempoh.

“Untuk mengisytiharakan COVID-19 ini sebagai endemik sebenarnya tidak bergantung pada kes kematian atau kes harian sesebuah negara selain tidak ada faktor yang betul-betul spesifik untuk meletakkan ia sebagai endemik.

“Cuma, apa yang boleh kita harapkan sementara menunggu ia sebagai endemik, program vaksinasi terus berjalan sebab dengan kadar vaksinasi yang tinggi juga kita dapat menjalani rutin kehidupan harian seperti biasa, selain berharap pemenuhan ubat antivirus sebagai alternatif rawatan sekiranya dijangkiti,” katanya.

Sebelum ini, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood yang merupakan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam, menyarankan pihak berkuala menjadikan suntikan vaksin COVID-19 sebagai vaksinasi tahunan seperti yang dilakukan di Eropah bagi mengekang flu atau selesesa bermusim.

Pada masa ini, penularan COVID-19 masih berstatus pandemik yang diisytiharkan oleh WHO pada 11 Mac 2020. - BERNAMA

## Semua pihak perlu berganding bahu bantu rakyat, kerajaan depani COVID-19

**SEMUA** pihak terutama parti-parti komponen dalam Kerajaan Perikatan Nasional (PN) perlu berganding bahu dalam menghadapi gelombang baharu COVID-19 yang telah menjangkiti orang ramai.

Ahli Perbadanan Putrajaya, Datuk Tun Faisal Ismail Aziz berkata, inisiatif untuk membawa semua pihak di dalam gabungan PN merupakan satu pendekatan yang terbaik dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat.

“Dalam mendepli COVID-19 ini, penglibatan semua anggota masyarakat adalah sangat penting, kita tidak boleh berpecah belah dan saling menyalahkan orang lain.

“Seperti di Putrajaya ini, saya mengjurkan inisiatif untuk membawa semua pihak dan yang penting adalah mengambil tanggungjawab untuk membantu seramai orang yang boleh terutama yang memerlukan bantuan,” katanya.

Beliau yang juga Setiausaha Akhbar kepada Menteri Wilayah Persekutuan berkata, penglibatan rakan komponen PN serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah untuk menunjukkan kepada rakyat tentang kesatuan PN yang bergerak bersama-sama untuk melihat sendiri kehidupan rakyat yang terjejas.

“Macam saya sendiri hari ini, mewakili Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan dan juga sebagai Anggota Pentadbiran PPj yang bersama-sama duduk dibawah Kerajaan PN, kita bawa sekali Yang Di Pertua (YDP) Pas Kawasan dan Pemangku Ketua Bahagian Bersatu Putrajaya turut hadir sama.



TUN FAISAL menyerahterahkan bakul makanan kepada salah seorang penerima di Putrajaya baru-baru ini.

“Kita bawa semua dan dalam perang menghadapi COVID-19, ketika ini semakin sukar disebabkan Varian Delta dan kes di Putrajaya juga meningkat serta ia amat merisaukan,” katanya sambil menambah program itu turut dihadiri wakil penduduk, sukarelawan prihatin (PriVo), Kelab Anggun Putrajaya serta sukarelawan perseorangan.

Tegasnya, soal kebijakan kepada rakyat di dalam tempoh ini perlu dilakukan secara bersama-sama agar rakyat dapat melihat keberkesan kerajaan dalam memberikan bantuan kepada mereka.

“Kita tidak boleh perkara ini secara terpisah-pisah dan sebagai contoh hari ini, semua orang ada dan kita buat satu gerakan bersama untuk membantu kerajaan dan juga rakyat.

“Akhirnya apa yang hendak dicapai adalah untuk menang bersama dalam perang melawan COVID-19 ini dan kita hendak kejayaan ini bukanlah hanya satu pihak, sebaliknya adalah kejayaan bersama dan itulah idea untuk program turun padang hari ini,” katanya. **WK**

# Olimpik Tokyo 2020: Atlet Wipers iringi doa buat kontinjen negara

AINI MAWAWI

**L**EBIH seminggu sukan Olimpik Tokyo 2020 berlangsung di Jepun, rakyat Malaysia masih menanti dengan penuh harapan agar tim negara berjaya menghadiahkan pingat pertama.

Biarpun kecoh di laman sosial baru-baru ini pengguna Twitter Israel, Arsen Ostrovsky membandingkan pencapaian Malaysia dengan negara tersebut yang mana Israel berjaya meraih satu pingat pada hari pertama na-



mun perkara tersebut tidak sedikit pun mematahkan semangat kontinjen Malaysia.

Malah, seluruh rakyat Malaysia termasuk atlet Wilayah Persekutuan (Wipers), tidak putus-putus menitipkan kata-kata semangat agar semuanya berjalan lancar sekali gus

pulang dengan kejayaan.

Terdahulu, 64 barisan atlet, jurulatih dan petugas yang dipimpin Datuk Lee Chong Wei selaku ketua kontinjen mengharungi cabaran temasya sukan terbesar dunia itu bermula dari 23 Julai hingga 8 Ogos depan setelah ditangguh setahun akibat pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Seramai 30 atlet Malaysia bertanding dalam 10 jenis sukan iaitu memanah, badminton, gimnastik, golf, berbasikal trek, menembak, olahraga, pelaruan, renang dan acara terjun. **WK**



## Idam ke Olimpik - Loh Cen Hao

**MENYIMPAN** hasrat untuk mewakili Malaysia dalam acara olahraga lontar peluru satu hari nanti, besar harapan atlet Wipers, **Loh Cen Hao** melihat atlet Malaysia tersenarai dalam permainan tersebut.

"Saya tidak pernah ketinggalan menyaksikan acara lontar peluru kerana bagi saya atlet-atlet yang bertanding dari seluruh dunia hebat sekali," ujarnya.

Menjadikan atlet Amerika Syarikat,

Ryan Crousser yang memenangi pingat emas Sukan Olimpik 2016 sebagai idola, dia mahu melakar sejarah dengan melakukan balingan yang berjaya memecahkan rekod dunia.

"Rasanya tidak mustahil Malaysia akan ke Olimpik dalam acara itu jika diberi lebih perhatian serta inovasi baharu dalam ilmu kejurulatihan acara tersebut selain penekanan terhadap fasiliti sukan," ujarnya.

Dalam masa sama, Loh berharap agar kontinjen Malaysia mencipta sejarah gemilang di Olimpik Tokyo 2020 yang sedang berlangsung.

## Jangan peduli kritikan netizen - Izzah Amzan


**ATLET** gimrama negara, **Izzah Amzan**, 21, meminta barisan atlet Olimpik negara agar tidak mengambil serius kritikan netizen yang tular di laman sosial baru-baru ini.

Katanya kepada *Wilayahku*, perkara tersebut hanya akan membawa kesan buruk yang dibimbangi akan menjelaskan emosi atlet untuk bertanding.

"Jangan peduli kata-kata netizen yang tidak membantu menaikkan semangat. Hanya kita tahu betapa sukarnya untuk berada di tahap tersebut. Teruskan berusaha dan bertawakal."

"Jika sudah mencuba sedaya upaya namun tidak seperti yang diharapkan usah terlalu bersedih. Anda hebat kerana itu anda terpilih untuk mewakili negara," ujar atlet yang memenangi dua pingat emas pada Sukan SEA 2019 menerusi bola dan riben ini.

Memandang jauh kehadapan, atlet muda ini menanam cita-cita mewakili Malaysia sekali gus menghadiahkan pingat emas dalam Sukan Olimpik suatu hari nanti.



## Bangga dengan reputasi Suryani - Nur Izazi

**KEMAMPUAN** penembak wanita negara Nur Suryani Mohamed Taibi yang mempunyai reputasi baik dalam dan luar negara dilihat bakal memberi sinar bagi acara menembak.

Ia turut diakui penembak muda, **Nur Izazi Rosli**, 20, yang kagum dengan semangat dan kekentalan atlet wanita berusia 38 tahun itu.

"Bagi saya dalam sukan menembak sangat sukar untuk membawa pulang pingat tetapi jika ada rezeki dan keyakinan *Insyah-Allah* tiada yang mustahil," ujarnya.

Dia yang sentiasa mengikuti secara dekat siaran langsung temasya tersebut turut berbangga dengan usaha yang ditunjukkan atlet negara.

"*Alhamdulillah* mereka sentiasa ingin membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia boleh," ujarnya yang menanti untuk beraksi pada Sukan SEA 2021 yang ditunda ke tahun hadapan.



## Kekal Semangat - Nur Ku Zarith

**KETIKA** dunia masih dilanda wabak COVID-19, atlet negara tetap berjuang sepenuh hati untuk mengharumkan nama Malaysia di pentas dunia.

Bangga dengan semangat yang dipamerkan, atlet pelayaran Wipers, **Nur Ku Zarith Ja'far**, 14 berkata, dia berharap kontinjen Malaysia ke Olimpik sentiasa menjaga diri dan patuh kepada prosedur operasi standard (SOP).

"Saya yakin SOP di sana amat ketat dan keadaan terkawal. Para atlet pasti mahu ia berjalan lancar dan kekal selamat di negara matahari terbit itu."

"Kekal semangat! Fokus yang terbaik. Anda yang tersenarai ke Olimpik merupakan atlet terbaik. Saya yakin seluruh rakyat Malaysia mendoakan anda semua," ujarnya.

Katanya lagi, dia berharap kontinjen Malaysia maju jaya dan meraih pingat di pentas Olimpik Tokyo 2020 yang membuka tirai pada 23 Julai lalu.



## Khairul Anuar mara ke pusingan ketiga penuh debaran

**AKSI** mendebarkan disajikan di Lapangan Memanah Yumenoshima sebelum jaguh memanah negara, **Khairul Anuar Mohamad** menempah slot ke pusingan ketiga acara Recurve Individu Lelaki pada Sukan Olimpik Tokyo 2020, Rabu.

Pemanah berusia 29 tahun itu yang menghuni ranking ke-15 dunia, terpaksa mengharungi dua saingan 'shoot-off' atau satu panahan penentuan dalam aksi penuh dramatik, apabila terikat 5-5 selepas lima set berdepan kedua-dua lawannya itu.

Pada saingan pusingan pertama, pemanah kelahiran Kemaman, Terengganu itu mengatasi Antti Vikstrom dari Finland sebelum meneruskan aksi bertengara di pusingan kedua untuk mengetepikan cabaran pemanah China, Wang Dapeng.

temasya edisi Rio 2016, melakukan panahan 10 mata maksimum.

Khairul Anuar dijadual beraksi pada pusingan ketiga pada 31 Julai (Sabtu).

Pada saingan pusingan pertama, pemanah kelahiran Kemaman, Terengganu itu mengatasi Antti Vikstrom dari Finland sebelum meneruskan aksi bertengara di pusingan kedua untuk mengetepikan cabaran pemanah China, Wang Dapeng.

Ketika ditemui pemberita,



KHAIRUL ANUAR

Khairul Anuar bersyukur untuk mara ke pusingan ketiga walaupun terpaksa beraksi pada panahan set penentuan, namun menyatakan banyak perlu diperbaiki apabila turun pada Sabtu ini.

"*Alhamdulillah*, kedua-dua perlawan hari ini saya menang walaupun sampai (bersaing) ke 'shoot-off'. Namun, prestasi saya masih kurang kerana fokus saya sedikit terganggu pada kedua-dua saingan tersebut."

"Untuk perlawanannya seterusnya

(pusingan ketiga), saya perlu lebih fokus kepada panahan. Malah, dalam kedua-dua perlawanannya hari ini, saya beritahu jurulatih, panahan saya sedikit terganggu dan perkara itu perlu saya tekankan pada perlawanannya akan datang," katanya.

Mengenai saingan pusingan pertama itu, Khairul Anuar berkata setelah ketinggalan 3-5, beliau bernasib baik kerana peralatan memanah lawannya dari Finland itu mengalami masalah, sekali gus menyaksikannya mengikat kedudukan 5-5.

"Mustahil kalau saya katakan tidak tertekan, namun jika saya

dapat beri 100 peratus tumpuan terhadap shooting (panahan), ada juga tekanan dan keadaan angin, *insya-Allah* saya boleh atasi.

"Masalah peralatan memanah pihak lawan itu yang patah, saya boleh katakan itu rezeki saya untuk mara ke pusingan kedua."

"Di pusingan kedua, saya bermula baik pada tiga set pertama, namun pada set empat dan lima, saya sedikit hilang fokus. Tetapi semasa panahan penentuan, jurulatih beritahu saya perlu lebih fokus pada shooting (panahan), *Alhamdulillah* saya dapat melakukannya," kata beliau. - **BERNAMA**



Bangga dengan reputasi  
Suryani - Nur Izazi

► 23

## Labuan yang pertama capai imuniti kelompok

KAIRUL IDIN

**L**ABUAN pada Selasa lalu telah mencapai sasaran pemberian lengkap dua dos vaksin COVID-19 kepada 80 peratus populasi dewasa dan menjadikan Labuan sebagai negeri dan Wilayah Persekutuan yang pertama mencapai imuniti kelompok bagi mengekang wabak COVID-19.

Seramai 54,800 daripada 68,500 penduduk dewasa di Labuan telah menerima dua dos lengkap suntikan vaksin COVID-19 itu menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Pengerusi Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, Labuan telah mencapai sasaran imuniti kelompok iaitu 80 peratus iaitu sebanyak 54,800 individu dewasa telah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19.

"Alhamdulillah pada hari ini, kita telah mencapai 80 peratus bagi dua dos suntikan vaksin COVID-19 dan ini adalah satu berita yang menggembirakan kepada semua pihak khususnya penduduk di Labuan kerana

kita telah mencapai imuniti kelompok lebih awal daripada tarikh yang dijangkakan iaitu pada 30 Julai.

"Pencapaian ini merupakan kejayaan penduduk di pulau ini yang sentiasa peka terhadap kepentingan vaksinasi COVID-19 dan atas kerjasama berpasukan daripada pasukan petugas kesihatan, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan sebagai termasuklah pasukan Prihatin Volunteers (PriVo)," katanya.

Sesi pemberian suntikan dos kedua itu turut disaksikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa secara maya dan beliau turut menzahirkan penghargaan kepada kesemua petugas CITF, para pemimpin dan warga Labuan kerana berjaya mencapai 80 peratus imuniti kelompok sepertimana yang beliau sasarkan.

Dalam pada itu, Rithuan yang juga pengerusi JPBD memaklumkan, berdasarkan laporan CITF Labuan kini telah merekodkan 95 peratus bersamaan dengan 65,521 populasi dewasa telah menerima dos pertama.

Katanya, bagi meneruskan usaha bagi mempercepatkan proses itu pihaknya dengan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri akan memperluaskan lagi program vaksinasi dengan menjalankan vaksinasi rumah ke rumah bagi golongan kurang upaya (OKU) dan golongan berisiko.

"Meskipun Labuan telah mencapai 80 peratus imuniti kelompok namun kerja-kerja vaksinasi tetap terus dipergiatkan. Kita juga telah melaksanakan vaksinasi secara pandu lalu dan 'walk-in' yang diselaraskan oleh Majlis Perwakilan Penduduk yang telah menyaksikan kehadiran penduduk yang ramai daripada 27 kampung," katanya lagi.

Terdahulu, pada 24 April lalu Labuan telah mencatatkan peningkatan kes positif COVID-19 susulan serangan varian Delta menjadikan Labuan sebagai sebuah pulau yang terkesan.

Namun, atas perancangan yang teliti dilaksanakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa telah berjaya menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan dan negeri pertama mencapai 80 peratus imuniti kelompok. WK

## Annuar dukacita layanan terhadap gelandangan

**MENTERI** Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menzahirkan perasaan dukacita melihat tindakan sesetengah pihak yang tidak profesional ketika melayani golongan gelandangan.

Dalam cia-pannya, beliau mengingatkan kepada sesetengah pihak agar menyantuni golongan gelandangan atau dikenali sebagai *Hijrah Warrior* dengan penuh hormat.

"Jika nak menyantuni *Hijrah Warriors*, biarlah profesional dan benar-benar berkelayakan. *Treat them with respect please* (tolong layan mereka dengan hormat).

"Saya dukacita melihat sikap sesetengah dari kita," ciapnya hari ini.

Terdahulu, tular di laman sosial seorang usahawan



ANNUAR

memperlekeh seorang gelandangan warga emas ketika memberikan motivasi di Anjung Singgah baru-baru ini.

Tindakan tersebut mendapat kecaman daripada orang ramai dan menyifatkan sebagai tindakan biadab dan kurang ajar. WK

[Tweet](#)



Annuar Musa  
@AnnuarMusa

Jika nak menyantuni HIJRAH WARRIORs, biarlah profesional dan benar benar berkelayakan. *Treat them with respect pls..saya dukacita melihat sikap sesetengah dari kita...*

[Translate Tweet](#)

12:52 am · 29 Jul 21 · Twitter for Android

DAFI

## Rumah Prihatin ringankan beban rakyat - Dafi

DEEL ANJER

**PENUBUHAN** RumahPrihatin@ GrandSeasons yang merupakan cetusan idea Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, adalah untuk meringankan beban rakyat yang terkesan pandemik COVID-19.

Penyanyi dan pelakon, **Gadaffi Ismail Sabri** atau Dafi, 32, berharap masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan tidak mensia-sikan usaha murni kerajaan itu.

"Mungkin ada yang belum tahu, kita sekarang sedang melalui saat-saat sukar yang mana semua orang terkesan."

"Di sini saya berasa bangga untuk berkongsi yang RumahPrihatin@ GrandSeasons telah pun dibuka untuk rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan."

"Tujuan penubuhan Rumah Prihatin ini adalah untuk memberi bantuan dan meringankan beban mereka yang terkesan dengan pandemik COVID-19."

"Rumah Prihatin ini menyediakan pelbagai khidmat seperti Dapur Prihatin, Pusat Gerakan Jejak Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Food Bank Prihatin, Khidmat Vaksinasi Prihatin dan Klinik Kesihatan Mental Prihatin," jelas Dafi yang juga anak kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob.

Dafi yang pernah popular menerusi lagu *Bila Terasa Rindu* ini berharap semua warga wilayah memanfaatkan Rumah Prihatin dengan sebaiknya.

"Saya tertarik dengan khidmat Klinik Kesihatan Mental Prihatin yang diberikan secara percuma untuk membantu mereka yang mengalami tekanan, depresi atau gangguan mental."

"Kadang-kadang ada sesetengah individu tidak tahu ke mana arah tuju apabila mengalami gangguan emosi. Belum lagi perasaan malu menguasai diri."

"Jadi, saya berharap mereka yang mempunyai masalah ini jangan segan atau malu kerana apa yang lebih penting adalah kesihatan mental anda. Jangan risau, kaunselor bertauliah akan menyimpan segala rahsia tentang anda," ujarnya lagi.

RumahPrihatin@GrandSeasons, Kuala Lumpur yang dilaksanakan baru-baru ini ditubuhkan bagi membantu meringankan beban rakyat terutamanya warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan bekerjasama dengan Hotel Grand Seasons Kuala Lumpur menjadikan premis ini berkonsepkan hotel kebajikan. WK

